



فلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37

SUBUH 4.47 SYURUK 6.08

DUHA 6.32 ZUHUR 12.06

ASAR 3.27 MAGHRIB 6.02

ISYAK 7.14

Daerah Belait ditambah 3 minit

Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 138

16 NOVEMBER 2022 / 1444 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. WahsabunAllahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

IBTE menyumbang pembangunan, perkembangan sosioekonomi negara

Oleh : Nooratini Haji Abas

BERAKAS, Selasa, 15 November. - Normal baharu akibat pandemik COVID-19, dan peralihan kepada Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) telah mengubah sebahagian besar landskap keperluan tenaga kerja dari segi competency dan skill sets, di serata dunia, termasuklah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menurut laporan 'The World Economic Forum 2020', permintaan pekerjaan yang menjurus kepada penggunaan teknologi dan kemahiran baharu akan meningkat mengikut peralihan RI 4.0. Ini memerlukan adaptasi kepada peralihan teknologi yang dijangka akan lebih cepat berlaku dalam tempoh pasca COVID-19.

Lantaran daripada perubahan corak berkenaan telah menyebabkan Kerajaan NBD, kini dalam usaha memperkasakan jaringan ekonomi digital - 'Digital Economy Masterplan' - di negara ini, dengan pelaksanaan kerangka strategi serta pelan tindakan yang telah dan yang akan dirancangkan dan dilaksanakan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata demikian pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kali Ke-30 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

>> Muka 9

مانیسٹ ایمان MANISNYA IMAN

DARI Othman bin Affan katanya : Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang berwuduk, kemudian dia menyempurnakan wuduknya, maka keluarlah dosa-dosa dari jasadnya hingga dari kuku-kukunya". - (Riwayat Al-Imam Muslim).



HUBUNGAN TERUS BERKEMBANG MAJU, BERSAMA HARUNGI CABARAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa menghadiri Majlis Santap Negara, yang dihoskan oleh His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, King of Cambodia, di Preah Reach Damnak Serei Mongkol, Royal Palace Ground. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3).

Berangkat meninggalkan Phnom Penh, Kemboja

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

PHNOM PENH, KEMBOJA, Isnin, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berangkat bertolak meninggalkan Phnom Penh, Kemboja selepas selesai mengadakan

Keberangkatan Negara ke negara berkenaan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 2

Kebawah DYMM akan berangkat hadiri APEC, AELM

Siaran Akhbar: Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan menyertai Mesyuarat AELM berkenaan yang bakal dipengerusikan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-o-cha, selaku Pengurus APEC bagi tahun 2022.

Thailand.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan menyertai Mesyuarat AELM berkenaan yang bakal dipengerusikan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-o-cha, selaku Pengurus APEC bagi tahun 2022.

>> Muka 7



Berita Utama



MOU KKBS - UBD perluaskan kolaborasi bersama

Muka 10



PENDIDIKAN kekeluargaan dominasi pembentukan syakhsiah anak-anak

Muka 20



RENCANA

KUKUHKAN akauntabiliti masyarakat terhadap Perkhidmatan Awam

Muka 21



Berangkat meninggalkan Phnom Penh, Kemboja



>> Muka 1

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh bagi

menyembahkan ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan



Siaran Akbar:
Jabatan Perdana Menteri
Foto: Mohamad Azmi
Awang Damit,
Ak. Mohd Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Timbalan Perdana Menteri dan Minister of the Royal Palace, Tuan Yang Terutama Samdech Chaufea Veang Kong Som Ol; Privy Councillor of His Majesty the King Norodom Sihamoni and Senior Minister in charge of the General Affairs to the Royal Palace, Tuan Yang Terutama Kuy Sophal; dan Senior Minister in charge of Special Mission, Tuan Yang Terutama Okhna Datuk Dr. Othman Hassan, selaku Menteri Pengiring.

Juga hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Tahir.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berangkat bertolak meninggalkan Phnom Penh, Kemboja (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bertolak meninggalkan Phnom Penh, Kemboja selepas selesai mengadakan Keberangkatan Negara ke negara berkenaan. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri dan atas).



NOVEMBER	MASIHI	HARI	WAKTU SEMBAHYANG								
			RABIULAKHIR	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB
16	RABU	21	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.27	6.02	7.14	
17	KHAMIS	22	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15	
18	JUMAAT	23	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15	
19	SABTU	24	4.38	4.48	6.09	6.32	12.07	3.28	6.02	7.15	
20	AHAD	25	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15	
21	ISNIN	26	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.02	7.16	
22	SELASA	27	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Bangar		
30 °C	31 °C	30 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
30 °C	31 °C	30 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Kuala Belait		
30 °C	30 °C	30 °C
24 °C	24 °C	24 °C
WallahuAlam Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

SIDANG PENGARANG

Bertindak cepat, cegah penyakit Strok

STROK atau 'Angin Ahmar' merupakan penyakit yang berlaku apabila saluran darah tersumbat atau pecah sehingga mengakibatkan sel-sel otak rosak serta mati. Akibat strok ini, fungsi otak yang terjejas menyebabkan gejala, seperti kelemahan anggota badan, kehilangan keseimbangan, kesukaran pertuturan atau komunikasi, gangguan kognitif atau kematian.

Berdasarkan Statistik Data Kesihatan Awam Brunei yang diterbitkan pada 2020 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam menunjukkan, bahawa Strok adalah punca kematian ke-4 dan punca utama kehilangan upaya di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Manakala jumlah kematian akibat penyakit Serebrovaskular atau Strok di negara ini juga meningkat daripada 123, pada 2016 menjadi 174, pada 2021. Di samping itu, kematian pramatang akibat Strok meningkat hampir dua kali ganda daripada 58, pada 2016 kepada 93, pada 2021.

Kadar kematian pramatang akibat Strok bagi lelaki sebelum umur 70 tahun adalah lebih tinggi, iaitu 254 kematian, berbanding 182 kematian dalam kalangan wanita dari 2016 hingga 2021.

Perkara ini antara yang dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Pelancaran Hari Strok Sedunia 2022, yang berlangsung di Open Plaza, Kompleks Yayasan baru-baru ini.

Menurut Pertubuhan Strok Sedunia, 1 kes Strok baharu berlaku setiap 3 saat di seluruh dunia dan sebanyak 1 daripada 4 orang di antara kita berisiko untuk mendapat Strok dalam seumur hidup.

Di negara kita, kira-kira 400 kes baharu Strok direkodkan setiap tahun, di mana kira-kira 65 peratus adalah daripada kumpulan umur 60 tahun ke atas dan 17 peratus lagi terdiri daripada kumpulan umur bawah 45 tahun.

Dari segi faktor risiko Strok, lebih satu pertiga (36 peratus) penduduk dewasa di NBD didapati menghidap penyakit Darah Tinggi. Mereka yang menghidap penyakit Darah Tinggi ini, lebih satu perempat, iaitu 29 peratus tidak pernah dikesan mempunyai penyakit Darah Tinggi sebelumnya.

Mereka yang didiagnosis Darah Tinggi, lebih daripada satu pertiga (35 peratus) tidak mengambil atau tidak mengikuti arahan pengambilan ubat mengawal Darah Tinggi. Di samping itu, ada juga yang menghisap rokok, menghidap Kencing Manis dan mempunyai tahap kolesterol yang tinggi.

Menurut kajian saintifik rawatan awal Strok membawakan hasil dan peluang yang lebih baik untuk pulih. Rawatan untuk Strok ada tersedia dan salah satu antaranya hanya boleh diberikan dalam masa 4.5 jam selepas mengalami gejala Strok.

Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk bertindak dengan cepat dan mendapatkan bantuan segera apabila Gejala Strok berlaku kerana sesetengah rawatan hanya boleh diberikan dalam tempoh masa yang singkat selepas mula mengalami Gejala Strok.

Dengan adanya sambutan Hari Strok Sedunia setiap 29 Oktober, akan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai Strok. Di samping itu, dihasratkan akan dapat menghindari Strok dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan mendapatkan bantuan perubatan segera apabila mengalaminya. Ingatlah, 'Minit Boleh Menyelamatkan Nyawa'. #MASABERHARGA. - Ketua Penyuntingan (Rd)

Hubungan terus berkembang maju, bersama harungi cabaran



PHNOM PENH, KEMBOJA, Isnin, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Negara, yang dihoskan oleh His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, King of Cambodia, di Preah Reach Damnak Serei Mongkol, Royal Palace Ground.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka

anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Majlis Santap Negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengiktiraf langkah-langkah luar biasa yang dicapai dalam pembangunan sosioekonomi Kemboja menjadi bukti pada kepimpinan His Majesty the King of Cambodia dan komitmen teguh Kerajaan Kemboja.

Semasa menekankan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Kemboja, di mana pada tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-30, baginda mengambil maklum mengenai kerjasama yang baik dalam Bidang-bidang Pendidikan, Perdagangan, Pertahanan dan Pertukaran di

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Negara, yang dihoskan oleh His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, King of Cambodia, di Preah Reach Damnak Serei Mongkol, Royal Palace Ground (atas, kiri dan bawah kanan).

antara Rakyat.

Di samping itu, hubungan muhibah dan persahabatan yang dinikmati oleh kedua-dua pihak di semua peringkat adalah diasaskan oleh the late King Father, His Majesty Norodom Sihanouk.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melahirkan penghargaan terhadap peranan Kemboja, dalam menjamin bekalan makanan Negara Brunei Darussalam melalui pembekalan beras Jasmin yang berterusan.

Dengan Penandatanganan Memorandum of Understanding on Bilateral Consultations semasa Keberangkatan Negara ini, baginda percaya, bahawa kerjasama ini dapat mengesahkan semula komitmen kedua-dua pihak dalam memajukan hubungan dua hala dengan lebih lanjut, dan baginda, seterusnya menggesa agar ia segera dilaksanakan, di samping meneroka bidang-bidang kerjasama yang baharu demi manfaat bersama.

Menyentuh mengenai Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang diadakan, baru-baru ini, Kebawah DYMM menzahirkan ucapan tahniah kepada Kemboja atas kejayaannya, dalam

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



mempengerusikan ASEAN dan baginda, seterusnya menyuarakan keyakinan, bahawa usaha-usaha Kemboja pada tahun ini akan menyumbang pada kedayahan yang berpanjangan.

Baginda juga berterima kasih atas sokongan teguh Kemboja di sepanjang tempoh Negara Brunei Darussalam menjadi Pengurus ASEAN, pada tahun 2021.

Sementara itu, masyarakat global telah pun berhadapan dengan cabaran-cabaran sejak beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk kesan-kesan akibat pandemik COVID-19, ketidaktentuan geopolitik dan persaingan di antara kuasa-kuasa besar.

Dalam pada itu, baginda yakin hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Kemboja akan terus berkembang maju dalam sama-sama mengharungi cabaran.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM mendoakan agar His Majesty the King of Cambodia serta ahli-ahli kerabat diraja sentiasa sihat dan bahagia serta bagi kemajuan dan kemakmuran yang berterusan

untuk Kemboja serta rakyatnya.

Terdahulu sebelum itu, His Majesty the King of Cambodia, antara lainnya menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan dan Rakyat Negara Brunei Darussalam yang membantu Rakyat Kemboja dalam Sektor-sektor Pendidikan, Hal Ehwal Sosial dan Berperikemanusiaan serta Pengetahuan Teknikal.

Di samping itu, baginda juga menekankan, bahawa Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kemboja ini mencerminkan hubungan rapat dan persahabatan yang sekian lama terjalin, perpaduan serta kerjasama dua hala yang berterusan di antara Negara Brunei Darussalam dan Kemboja.

Majlis Santap Negara yang juga diserikan dengan Persembahan Kebudayaan itu dipersembahkan khas bagi meraikan Kebawah DYMM yang berada di Phnom Penh bagi mengadakan Keberangkatan Negara ke Kerajaan Kemboja.



BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

LAWATAN NEGARA KUKUHKAN KEMAJUAN HUBUNGAN DUA HALA PELBAGAI BIDANG



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pekarangan Royal Palace dialu-alukan oleh His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, King of Cambodia, di mana baginda berdua seterusnya berangkat ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam (kiri dan kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,

Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Isnin, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan mengadakan Keberangkatan Negara ke Kerajaan Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada sebelah pagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Minister of the Royal Palace, Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Chaufea Veang Kong Som Ol, yang menyembah Atur Cara Keberangkatan Negara dan Kad Jemputan bagi Keberangkatan Negara serta dua jambangan bunga daripada His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, King of Cambodia; dan Her

Majesty Queen-Mother Norodom Monineath Sihanouk.

Turut hadir ialah Privy Councillor of His Majesty the King Norodom Sihanoni and Senior Minister in charge of the General Affairs to the Royal Palace, Tuan Yang Terutama Kuy Sopha; dan Senior Minister in charge of Special Mission, Tuan Yang Terutama Okhna Datuk Dr. Othman Hassan selaku Menteri Pengiring.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya memulakan Keberangkatan Negara dengan menghadiri Majlis Sambutan Rasmi yang berlangsung di

Royal Palace, Phnom Penh, Kerajaan Kemboja.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di pekarangan Royal Palace dialu-alukan oleh His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, King of Cambodia, di mana baginda berdua seterusnya berangkat ke Throne Hall bagi Majlis Perjumpaan.

Menteri-menteri Kabinet Kerajaan Kemboja, diikuti dengan ahli-ahli rombongan delegasi Negara Brunei Darussalam juga disembahkan ke hadapan majlis His Majesty the King of Cambodia. Baginda berdua seterusnya berangkat ke Throne Hall bagi Majlis Perjumpaan.

Semasa Majlis Perjumpaan ini,

Kebawah DYMM dan His Majesty the King of Cambodia, antara lainnya menyentuh mengenai perkara-perkara bagi memperkuuhkan kemajuan dalam hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara, termasuk kerjasama dalam Bidang-bidang Perdagangan, Pertahanan dan Pertukaran di antara Rakyat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, King of Cambodia berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan, yang terdiri daripada anggota Royal Cambodian Armed Forces (atas). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan His Majesty the King of Cambodia merakamkan gambar kenangan di Throne Hall ketika Majlis Perjumpaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan His Majesty the King of Cambodia ketika Majlis Perjumpaan di Throne Hall (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Minister of the Royal Palace, Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Chaufea Veang Kong Som Ol, yang menyembah Atur Cara Keberangkatan Negara dan Kad Jemputan bagi Keberangkatan Negara serta dua jambangan bunga daripada His Majesty King of Cambodia; dan Her Majesty Queen-Mother Norodom Monineath Sihanouk. Mengiringi Kebawah DYMM pada kedua-dua majlis tersebut ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

BRUNEI - KEMBOJA METERAI MOU JCBC : WUJUDKAN PLATFORM KERJASAMA, PERTINGKATKAN KONSULTASI

PHNOM PENH, KEMBOJA, Isnin, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Peace Palace bagi menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen.

Semasa Mesyuarat Dua Hala tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menzahirkan ucapan tahniah kepada Kemboja atas kejayaan mempergerusikan ASEAN pada tahun ini.

Negara Brunei Darussalam dan Kemboja, titah baginda, terus menjalinkan hubungan mesra dan akrab sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 30 tahun lalu. Ke arah ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalau-alukan peluang-peluang baharu untuk mengukuhkan lagi kerjasama dalam semua bidang sambil menambah, bahawa Penandatanganan Memorandum of Understanding on Bilateral Consultations adalah tepat pada masanya untuk mewujudkan satu platform bagi kedua-dua belah pihak bekerjasama bagi meraih manfaat bersama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi satu MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Kemboja, iaitu MoU on Bilateral Consultations.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Di tengah-tengah ketidaktentuan geopolitik, Kebawah DYMM menekankan, bahawa keselamatan rantaian makanan dan bekalan adalah penting, oleh itu, baginda menzahirkan penghargaan kepada Kemboja yang terus menghantar bekalan Beras Jasmin ke Negara Brunei Darussalam, meskipun menghadapi pandemik COVID-19.

Menyentuh mengenai kerjasama dalam kebudayaan,

belia dan sukan, baginda mengambil maklum, bahawa kedua-dua buah negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam Bidang Kebudayaan dan Seni Halus serta Kerjasama Belia pada tahun 2021.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah DYMM berterima kasih kepada Perdana Menteri Kemboja selaku Pengurus ASEAN atas kepimpinannya, dalam memastikan keutamaan pembangunan ASEAN dicapai, meskipun berhadapan dengan persekitaran global yang mencabar.

Pada penghujung mesyuarat berkenaan, satu Kenyataan Bersama telah dikeluarkan.

Selepas Majlis Perjumpaan tersebut, Kebawah DYMM dan Tuan Yang Terutama

menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi satu MoU di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kerajaan Kemboja, iaitu MoU on Bilateral Consultations.

Majlis Penandatanganan tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekmera Jaya Haji Mohd. Yusof bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa, Tuan Yang Terutama Prak Sokhonn bagi pihak Kerajaan Kemboja.

MoU tersebut bertujuan untuk menubuhkan Joint Commission

for Bilateral Consultations (JCBC) di antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa, Kemboja untuk mempertingkatkan konsultasi dan kerjasama dua hala.

JCBC ini akan memudahkan cara konsultasi dan kerjasama dalam semua bidang yang berkepentingan bersama, dalam melaksanakan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di antara kedua-dua buah negara.

JCBC ini juga akan bekerjasama dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa dalam pelbagai bidang yang menjadi kepentingan bersama, termasuk perdagangan, pelaburan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, belia, sukan dan pembangunan modal insan serta bidang-bidang lain yang dipersetujui oleh kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Peace Palace bagi menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Kemboja (kanan dan atas).



BERANGKAT KE 2 TUGU PERINGATAN BERSEJARAH KEMBOJA



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Isnin, 14 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke dua Upacara Meletakkan Kalungan Bunga secara berasingan, bertempat di

dua tugu peringatan yang berbeza, di Phnom Penh. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berangkat ke tugu peringatan Independence Monument, di mana keberangkatan baginda dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Kebangsaan, Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Pichey Sena Tea Banh. Baginda seterusnya berkenan dijunjung bagi meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan berkenaan. Independence Monument atau Monumen Kemerdekaan, yang dibina pada tahun 1958 adalah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke dua Upacara Meletakkan Kalungan Bunga secara berasingan, bertempat di tugu peringatan Independence Monument dan tugu peringatan The Norodom Sihanouk Memorial (kiri dan atas).

sebuah tugu peringatan yang mempunyai reka bentuk seperti menara Angkor, bertujuan bagi memperingati kemerdekaan Kemboja pada tahun 1953 dan didedikasikan bagi mereka yang terkorban dalam mempertahankan negara berkenaan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM berangkat ke tugu peringatan The Norodom Sihanouk Memorial, yang terletak di sebelah timur Independence Monument, di mana baginda dijunjung oleh Privy Councillor of His Majesty the King Norodom Sihanouk, yang memacu kemerdekaan Kemboja, pada 9 November 1953.

Minister in charge of the General Affairs to the Royal Palace, Tuan Yang Terutama Kuy Sophal. Baginda seterusnya berkenan dijunjung bagi meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan berkenaan.

The Norodom Sihanouk Memorial yang juga dikenali sebagai The Monument of His Majesty Preah Bat Samdech Preah Norodom Sihanouk, the late King-Father of Cambodia ini didedikasikan bagi pencapaian King Norodom Sihanouk, yang memacu kemerdekaan Kemboja, pada 9 November 1953.

Pentingnya perpaduan majukan pembinaan komuniti ASEAN

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Isnin, 14 November. - Kenyataan bersama Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kemboja semasa Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kerajaan Kemboja, pada 14 November 2022.

Dalam Kenyataan Bersama tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Kerajaan Kemboja bagi Keberangkatan Negara, pada 14 November 2022 atas jemputan His Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihanoni, King of Cambodia.

Keberangkatan Negara ini merupakan detik penting memandangkan kedua-dua negara meraikan Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan Hubungan Diplomatik, pada tahun ini.

Semasa Keberangkatan Negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut berkenan meletakkan kalungan bunga dan memberi penghormatan di tugu peringatan Independence Monument dan Royal Memorial of His Majesty Preah Bat Samdech Preah Norodom Sihanouk 'Preah Borom Ratanak Kaudh', the Late King

Father of Cambodia.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengadakan Perjumpaan bersama His Majesty the King of Cambodia, yang turut menghoskan Majlis Santap Negara.

Pada Keberangkatan Negara ini juga, Kebawah DYMM berkenan menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.

Mesyuarat Dua Hala tersebut diadakan dalam suasana yang harmoni dan mesra, di mana kedua-dua pihak mengadakan perbincangan bermanfaat mengenai pelbagai kerjasama dua hala serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan hubungan rapat, ikatan persahabatan yang kukuh serta kerjasama yang saling menguntungkan di antara Kemboja dan Negara Brunei Darussalam sejak tiga dekad lalu.

Kedua-dua pihak juga menyatakan komitmen kuat untuk mengukuhkan hubungan persahabatan dan meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang, seperti pertahanan dan keselamatan, perdagangan dan pelaburan, tenaga, pendidikan dan pembangunan sumber manusia, kebudayaan, pelancongan, ICT dan kesihatan awam.

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Kemboja juga merakamkan penghargaan yang tinggi atas sumbangan Negara Brunei Darussalam pada

pembangunan sumber manusia Kemboja, yang bertujuan untuk merapatkan jurang pembangunan di ASEAN.

Kedua-dua pihak menekankan kepentingan menggalakkan interaksi tetap di antara pegawai peringkat tinggi kedua-dua negara dari kementerian dan institusi masing-masing, untuk meningkatkan kerjasama dalam banyak bidang.

Kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengukuhkan lagi kerjasama pertahanan dan keselamatan melalui pertukaran maklumat mengenai keganasan serta jenayah transnasional dan kaitangan pertahanan peringkat kanan, projek pembinaan kapasiti serta kemungkinan menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Pertahanan.

Kedua-dua pemimpin berazam untuk memperkuuh perdagangan dan pelaburan dua hala dengan menggalakkan sektor swasta meneroka lebih banyak peluang perniagaan dalam pelbagai bidang yang berpotensi serta memastikan pelaksanaan Perjanjian mengenai Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan.

Kedua-dua pihak bersetuju untuk bertukar-tukar pengalaman dan amalan terbaik, mengenai pemodenan industri selaras dengan Revolusi Perindustrian 4.0.

Pihak Kerajaan Kemboja menggalakkan pelaburan langsung dari Negara Brunei Darussalam untuk bersama-sama membangunkan industri pemprosesan tanah dan berdasarkan pengetahuan.

Kedua-dua pemimpin bersetuju



untuk meluaskan kerjasama dalam bidang baharu muncul, seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta ekonomi hijau dan digital.

Kedua-dua pemimpin bersetuju untuk menggalakkan hubungan rakyat dengan rakyat yang lebih erat melalui peningkatan pendidikan serta pembangunan sumber manusia, kerjasama pelancongan dan kebudayaan, serta hubungan udara dan maritim di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin juga mengakui kepentingan kerjasama dalam bidang maklumat dan penyiaran untuk menggalakkan persefahaman yang lebih erat di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin mengalau-alukan Pemeteraian Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Belia dan Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Kebudayaan dan Seni Halus, pada 11 Ogos 2021 melalui sidang video dan bersetuju untuk melaksanakan secara berkesan, dokumen yang ditandatangani.

Mengenai kerjasama serantau dan antarabangsa, kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu kepentingan dan keimbangan bersama.

Kebawah DYMM juga bertitah menzahirkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama



Perdana Menteri Kemboja atas kejayaan Kemboja sebagai Pengurus ASEAN, pada tahun 2022, di bawah tema 'ASEAN A.C.T. : Addressing Challenges Together' serta penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang Kemuncak Berkaitan, yang diadakan pada 10 hingga 13 November 2022, di Phnom Penh.

Kedua-dua Pemimpin menekankan kepentingan perpaduan dan pemusatkan ASEAN untuk menangani cabaran bersama dan memajukan usaha pembinaan komuniti ASEAN.

Kebawah DYMM dan TYT Perdana Menteri Kemboja mengalau-alukan dan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Kemboja mengenai Perundingan Dua Hala, yang akan mewujudkan rangka kerja untuk memperkuuh hubungan dua hala serta meluaskan kerjasama di antara kedua-dua negara.

Kebawah DYMM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada His Majesty King of Cambodia, TYT Perdana Menteri Kemboja dan penduduk Kemboja atas sambutan serta layanan mesra yang diberikan kepada Kebawah DYMM dan delegasi.

KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT HADIRI APEC, AELM



THE 29th Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Economic Leaders' Meeting (AELM) dijadualkan akan berlangsung pada 18 dan 19 November 2022 di Bangkok, Thailand (atas dan kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Semasa AELM berkenaan juga, antara lainnya, Ketua-ketua Ekonomi dijangka akan menghadiri Royal Audience bersama His Majesty King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, King of Thailand dan Her Majesty Queen Suthida

Bajrasudhabimalalakshana; dan juga menghadiri dialog dengan beberapa orang Tetamu-tetamu Khas Pengerusi: His Royal Highness Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi; dan Presiden Republik Perancis, Tuan

Yang Terutama Emmanuel Macron.

Ketua-ketua Ekonomi juga akan mendengarkan pembentangan daripada Pengarah Urusan Dana Monetari Antarabangsa (IMF) mengenai 2022 Global Economic Outlook di salah satu sesi AELM.

Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu daripada 12 ekonomi pengasas (*founding member economies*) yang telah menubuhkan APEC pada tahun 1989.

APEC bermula sebagai satu forum informal di tahap para pegawai kanan dan menteri-menteri ahli-ahli ekonomi untuk membincangkan dan meningkatkan perdagangan dan kerjasama ekonomi di rantau Asia-Pasifik.

Sejak tahun 1993, mesyuarat AELM diadakan secara tahunan untuk meningkatkan visi strategik dan arah tuju bagi kerjasama di rantau berkenaan.

APEC, yang kini terdiri daripada 21 ahli-ahli ekonomi merupakan sebuah platform bagi kerjasama untuk meluaskan dan mengembangkan pertumbuhan ekonomi, perdagangan dan pelaburan di rantau Asia-Pasifik.

Mesyuarat AELM tahunan pada kali ini diadakan secara fizikal. Di bawah tema APEC 2022, iaitu 'Open. Connect. Balance.', dalam meneruskan usaha mencapai



pembangunan ekonomi yang lebih seimbang dan mampan pasca COVID-19, perbincangan akan menumpukan kepada mempermudahkan perdagangan dan pelaburan yang terbuka; menambah baik persekitaran perniagaan; memajukan integrasi ekonomi serantau; memulihkan kesalinghubungan dengan

menyambung semula perjalanan rentas sempadan; menggiatkan semula sektor-sektor pelancongan dan perkhidmatan; memudah cara pergerakan perniagaan (*business mobility*); dan meningkatkan pelaburan dalam keselamatan kesihatan; serta memastikan matlamat ekonomi dicapai secara inklusif dan berdaya tahan.

COVID-19 : Tidak ada kes dalam Kategori 5

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 15 November. - Sebanyak 625 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 244,226.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada hari ini, sebanyak dua kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka

yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Dalam masa yang sama, tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Infografik : Kementerian Kesihatan

rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 15 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.5 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun telah menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.9 peratus

remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.8 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.1 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.



سوروهنجای قرخمنت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK \$10,000 DAN PENJARA SELAMA 2 TAHUN

PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAICKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.

KES PURATA HARIAN COVID-19 TUNJUK PENINGKATAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Isnin, 14 November. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam masa satu minggu kebelakangan ini, menunjukkan sedikit peningkatan dengan kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah sebanyak 611 kes sehari, berbanding dengan 554 kes sehari pada minggu sebelumnya.

"Sebanyak 48,491 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu dengan 8.7 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al'Afiah,

Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, pada hari ini, tidak ada kes dalam Kategori 5, iaitu yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala satu kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sehingga kelmarin, 13 November 2022 tambah Yang Berhormat, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di NBD kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.7 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin manakala 11.1 peratus juga telah mendapatkan dos keempat.

"Pada hari ini, sebanyak 612 kes baharu telah dilaporkan, iaitu 608 kes hasil ART dan empat kes adalah hasil daripada sebanyak

143 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam tempoh masa 24 jam yang lalu," terang Yang Berhormat lagi.

Sementara itu Yang Berhormat menjelaskan, walaupun trend kes influenz dan jangkitan serupa Influenza (Influenza-like Illness-ILI) pada minggu lalu telah menurun namun kadar jangkitan masih di atas paras normal.

Orang ramai tegas Yang Berhormat, adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil pelbagai langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami pelbagai tanda jangkitan dan mengelakkan daripada tempat-tempat yang penuh sesak.

"Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk. Dapatkan suntikan influenza, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai pelbagai masalah



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Sidang Media tersebut.

kesihatan.

"Semoga NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada segala bencana dan wabak penyakit serta

berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'alua jua. Amin Amin Ya Rabbal Alamin," ujar Yang Berhormat mengakhiri kenyataannya.

Kes jangkitan COVID-19 masih di tahap rendah

BERAKAS, Isnin, 14 November. - Laporan yang dikeluarkan baru-baru ini adalah hasil daripada kajian yang dibuat di Amerika Syarikat yang menyatakan bahawa jangkitan semula COVID-19 lebih berisiko daripada jangkitan pertama dan meningkatkan risiko akut dan 'Long-COVID'.

Berikut daripada laporan berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa

kajian yang dilaksanakan berkenaan tidak mencerminkan keadaan yang sebenar dan nampak bias (berat sebelah).

Semasa menjawap soalan yang diajukan oleh pihak media pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat berkata, sebelum kita mengambil kesimpulan daripada apa yang dipaparkan, kita perlu melihat kajian yang sebenarnya.

Apa yang dibuat semasa kajian

berkenaan tambah Yang Berhormat, ialah semasa jangkitan pertama, para ilmuwan, doktor dan saintis telah membuat kaji selidik dan menemu bual penduduk secara menyeluruh daripada Kategori 1, Kategori 2 hingga Kategori 4 dan Kategori 5.

Manakala pada jangkitan kali kedua pula jelas Yang Berhormat, mereka hanya menemu bual pesakit yang berada di hospital sahaja dan ini sudah menunjukkan kesalahan dari segi populasi

berkenaan, bahkan tempoh jangkitan juga adalah berbeza.

"Walau bagaimanapun, kitani bandingkan sahaja di negara ini, lihat waktu dahulu dan sekarang yang ketara sekali kategori 4 dan Kategori 5 adalah masih rendah.

"Jika dibandingkan dari dahulu, sekarang ia lebih rendah. Dan jika dilihat pada masa ini dalam tempoh sebulan, hanya ada lapan orang sahaja dalam Kategori 4 dan Kategori 5, berbanding waktu mula-mula," ujar Yang Berhormat

menambah.

Oleh itu jelas Yang Berhormat, walaupun kes jangkitan di negara ini masih mencapai ratusan kes, namun kategori serius 4 dan 5 masih pada tahap rendah.

"Alhamdulillah, rakyat dan penduduk di NBD ini mempunyai status vaksinasi yang tinggi dan dengan usaha kitani lagi dengan Vaksin Ketuhanan, bermunajat, alhamdulillah keadaan masih terkawal dan insyaaAllah ia akan berterusan," terang Yang Berhormat.



سورو هنجاي قر خدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

IBTE MENYUMBANG PEMBANGUNAN, PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI NEGARA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Majlis Konvokesyen tersebut.

>> Muka 1

"Sejajar dengan misi IBTE bagi menerapkan kepada para pelajarnya dengan proses pendidikan dan latihan berteraskan amalan industri merangkumi komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri, pada hemat saya, IBTE telah pun membekalkan para graduan dengan kemahiran dan pelbagai nilai murni yang terpuji sebagai bekalan menghadapi realiti pekerjaan dan persekitaran masyarakat kreatif dan inovatif pada masa kini dan akan datang.

"Saya juga difahami, para graduan IBTE bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal tetapi turut diterapkan dengan ilmu keusahawanan sepanjang tempoh pengajian mereka di IBTE, dan saya amat percaya akan menjadi nilai tambah di alam pekerjaan atau menjadi usahawan dalam pelbagai

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

bidang yang berkaitan pada masa hadapan," ujar Yang Berhormat.

Bagi memastikan pelbagai program yang dijalankan adalah sejajar dengan keperluan industri dan permintaan tenaga kerja, IBTE tegas Yang Berhormat, adalah diseru untuk terus bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan seperti Manpower and Employment Council (MPEC), Manpower Industry Steering Committee (MISC) dan pihak industri dalam mengorak langkah bagi sama-sama mengambil peluang untuk menambah baik serta memberi nilai tambah di dalam setiap program pengajian yang ditawarkan kepada para pelajar.

"Saya difahamkan pelbagai program yang berkaitan dengan Sains Kesihatan juga telah diperkenalkan dan berkembang maju di IBTE," kata Yang Berhormat.

Selain itu tambah Yang Berhormat, IBTE telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) bagi menjalankan beberapa program yang berkaitan dengan Sains Kesihatan yang telah dikenal pasti keperluannya di negara ini.

Yang Berhormat turut menegaskan, peranan IBTE dalam menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara sangatlah besar.

Ini menurut Yang Berhormat, jelas terbukti daripada hasil kajian tracer study IBTE yang dijalankan enam bulan setelah majlis konvokesyen telah menunjukkan bahawa jumlah kebolehpekerjaan pelajar IBTE mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

pada kadar 75 peratus.

Perkara ini jelas Yang Berhormat, dikukuhkan lagi dengan laporan daripada Global Talent Competitiveness Index 2022 telah membuktikan bahawa kemahiran vokasional dan teknikal di negara ini telah mencatatkan pencapaian yang tinggi dan sangat membanggakan, iaitu pada kedudukan ke-18 di peringkat global.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap agar mutu pengajaran dan pembelajaran di IBTE berkenaan akan dapat dikenalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi keperluan daripada tujuh stakeholders, iaitu sektor awam mahupun swasta.

Bagi tujuan ini jelas Yang Berhormat, pihak IBTE juga harus mengambil langkah positif untuk sentiasa menyemak dan menambah baik kurikulum yang diguna pakai agar sejajar dengan keperluan dan perkembangan pada masa kini dan akan datang.

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua tenaga kerja IBTE terutama para tenaga pengajar yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

"Kesungguhan dan kegigihan anda semua telah dapat mendidik generasi muda NBD yang mampu menyumbang ke tahap produktiviti dan daya saing negara," jelas Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menyatakan supaya semua tenaga kerja di IBTE daripada pihak pengurusan, akademik dan kakitangan dapat membantu dalam melipatgandakan lagi usaha bagi membolehkan IBTE terus berjaya pada masa yang akan datang.

■ **PEMERKASAAN** Sistem 5 Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (Technical Vocational Education and Training-TVET) adalah langkah yang dilihat amat wajar kerana bidang berkenaan dijangka akan dapat membantu NBD dalam membentuk modal insan ke arah pembentukan teknologi baharu agar para graduan mampu menangani cabaran RI 4.0.

■ **IBTE** telah pun membekalkan para graduan dengan kemahiran dan pelbagai nilai murni yang terpuji sebagai bekalan menghadapi realiti pekerjaan dan persekitaran masyarakat kreatif dan inovatif pada masa kini dan akan datang.

■ **DISERU** untuk terus bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan seperti Manpower and Employment Council (MPEC), Manpower Industry Steering Committee (MISC) dan pihak industri dalam mengorak langkah bagi sama-sama mengambil peluang untuk menambah baik serta memberi nilai tambah di dalam setiap program pengajian yang ditawarkan kepada para pelajar.

■ **PERANAN IBTE** dalam menyumbangkan kepada pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara sangatlah besar.

■ **MUTU** pengajaran dan pembelajaran di IBTE berkenaan akan dapat dikenalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi keperluan daripada tujuh stakeholders, iaitu sektor awam mahupun swasta.



ANTARA yang hadir pada Majlis Konvokesyen berkenaan.

Majlis Konvokesyen IBTE : 1,981 graduan diraikan



BERAKAS, Isnin, 15 November. - Seramai 1,981 orang graduan yang mengikuti pelbagai latihan di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) diraikan hari ini pada Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-30.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 55 orang graduan terdiri daripada Technical Vocational Education and Training (TVET) akademik, dua orang graduan Diploma, 1,032 orang graduan HNTec, 695 orang graduan Ntec dan 197 orang graduan lagi adalah Sijil Kelayakan Kemahiran Perindustrian (ISQ).

Majlis diadakan dalam dua sesi, iaitu pagi dan petang yang



berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para graduan pada sebelah pagi, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat I, Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, Awang Haji Manan bin Hail Osman, diikuti dengan bacaan ayat-ayat Suci Al-Quran daripada pelajar IBTE

Sejurus selepas itu, tetamu kehormat majlis juga turut menyampaikan anugerah kepada beberapa orang graduan, termasuk Anugerah Chinese Ambassador Award.

Anugerah Chinese Ambassador

Award merupakan program bersepada antara Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Pendidikan dan meliputi para pelajar yang terdiri daripada lima buah institusi pendidikan tinggi termasuk IBTE.

Tujuan diperkenalkan adalah untuk mendorong dan menggalakkan lebih ramai lagi pelajar tempatan untuk terlibat sama khususnya dalam kerjasama dua hala, di bawah rangka kerja 'Belt and Road Initiative'.

Selain itu, untuk menyuntik semangat inspirasi belia berbakat yang mempunyai prestasi cemerlang, sentiasa bergiat aktif

dalam menyumbang pembangunan negara serta menggalakkan kerjasama praktikal kedua-dua buah negara.

Sementara itu, Majlis Konvokesyen IBTE Kali Ke-30 pada sebelah petang diteruskan lagi dengan penyampaian sijil-sijil NTec kepada seramai 692 orang graduan dan diikuti dengan penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik kepada seramai enam orang graduan dan Anugerah Khas Pelajar kepada seramai dua orang.

Tetamu kehormat majlis pada sebelah petang pula ialah Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw, selaku Pengurus Lembaga Pengelola IBTE yang juga turut menyempurnakan penyampaian sijil pada para graduan.

Turut hadir pada majlis konvokesyen berkenaan ialah Ahli-ahli Lembaga Pengelola IBTE serta para ibu bapa dan ahli keluarga para graduan yang diraikan.

MOU KKBS - UBD PERLUASKAN KOLABORASI BERSAMA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDER SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) merupakan salah satu usaha pihak kementerian, dalam mendukung hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terutama dalam penggunaan pendekatan Whole of Nation untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Ia juga selaras dengan salah satu objektif yang terkandung dalam Pelan Strategik KKBS 2020-2024 untuk 'Meningkatkan Kerjasama Strategik melalui Pendekatan Seluruh Negara'.

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari menjelaskan perkara tersebut semasa Majlis Penandatanganan MoU di antara KKBS dan UBD, yang berlangsung di Dewan Di-Gadong, kementerian berkenaan, di sini.

Penandatanganan MoU,

terangnya, akan menambah lagi rangkaian kerjasama yang terjalin bersama institusi pengajian tinggi yang lain, yang dimeterai pada tahun 2020 bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); dan Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (KIGS).

Dayang Hajah Nor Ashikin seterusnya mengongsikan, antara bidang kerjasama yang dipersetujui bersama pihak UBD, iaitu pertukaran pengetahuan, lawatan, data dan maklumat dalam bidang-bidang berkaitan kolaborasi pelaksanaan kajian penyelidikan serta penterjemahan; kursus-kursus latihan pembangunan kapasiti, kepimpinan dan penempatan kerja/industri, mengikut keperluan; akses pada bahan dan sumber-sumber (sumber tenaga manusia, prasarana dan kemudahan-kemudahan); peluang academic transitional pathways bagi golongan sasaran; serta pembentukan teknologi digital, perisian maklumat dan inovasi.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Beliau yakin dengan adanya penggembangan kerjasama, usaha sama dan tenaga bersama institusi-institusi pengajian tinggi ini akan meningkatkan lagi usaha-usaha pihak kementerian, dalam melaksanakan mandatnya sebagai jentera kerajaan yang melestarikan dan memartabatkan bahasa, budaya dan khazanah negara serta melahirkan atlet yang cemerlang dan mewujudkan masyarakat yang pemedulian,

berwawasan serta berdaya tahan. Hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.


Menandatangi bagi pihak KKBS, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) bersama Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus; dan dari UBD,

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle bersama Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran), UBD, Dayang Rubiah binti Haji Yacub.

Turut hadir Setiausaha-setiausaha Tetap; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian; Pegawai-pegawai Kanan dari KKBS; dan Pegawai-pegawai Kanan dari UBD.



Strok : Punca yang mungkin awda tidak ketahui



STROK bukanlah sesuatu yang baru dalam kalangan masyarakat kita. Salah satu punca angin ahmar atau strok adalah halangan atau luka pada saluran darah yang menuju ke otak. Serangan strok mempunyai kesannya yang tersendiri terhadap fizikal dan mental pesakit.

Salah satu kesan strok yang mungkin ramai tidak tahu ialah risiko penyakit jantung yang akan meningkat secara mendadak selepas serangan.

Menurut sebuah kajian yang dimuatkan di dalam jurnal Stroke dalam perkongsian laman sesawang Hello Doktor, lelaki dan wanita yang diserang strok mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menghidap masalah jantung berbanding mereka yang tidak pernah mengalami angin ahmar.

Malah, risikonya tetap sama walaupun pesakit tidak mempunyai sebarang masalah jantung sebelum diserang strok.

Apakah punca strok?

Strok berlaku apabila saluran darah di dalam otak tersumbat. Sel-sel otak seterusnya tidak mendapatkan oksigen yang mencukupi sehingga mengganggu fungsi otak. Namun, keadaan ini tidak berlaku dalam satu malam. Ia memakan masa bertahun-tahun sebelum saluran darah tersebut boleh tersumbat dan menyebabkan strok.

Oleh itu, pesakit strok kemungkinan tidak menyedari keadaan saluran darah mereka yang semakin sempit sehingga serangan strok berlaku. Jadi, sangat penting untuk mengenali punca strok agar pencegahan awal dapat dibuat.

7 punca strok yang awda mungkin tidak sedari

1. Tekanan darah tinggi

a. Hipertensi adalah punca strok yang utama. Jika tekanan darah melebihi 140/90, risikonya adalah tinggi. Tekanan yang tinggi boleh membuatkan salur darah pecah menyebabkan strok hemoragik.

b. Dalam jangka masa panjang, keadaan kesihatan ini juga mampu merosakkan dinding salur darah. Kecederaan pada dinding salur darah mengganggu fungsi normalnya. Ini boleh membawa kepada penebalan pada dinding sehingga menjadikan ia sempit.

2. Diabetes

a. Pesakit diabetes adalah 1.5 kali lebih berisiko mendapat strok berbanding orang biasa. Tambahan pula, kebiasaannya pesakit diabetes juga mempunyai tekanan darah tinggi dan terlebih berat badan, menjadikan mereka lebih berisiko tinggi.

3. Merokok

a. Nikotin dalam rokok meningkatkan tekanan darah. Asap rokok juga menyebabkan lemak terkumpul di dalam salur darah, khususnya salur darah utama di tengukut yang menghubungkan jantung dengan otak.

b. Selain itu, darah juga menjadi semakin likat dan mudah beku.

4. Berat badan berlebihan

a. Terdapat satu sindrom yang disebut sebagai sindrom metabolik. Ciri-cirinya adalah seperti berikut iaitu tekanan darah tinggi, glukosa darah tinggi, lemak berlebihan di pinggang dan kadar kolesterol serta trigliserida tinggi.

b. Mereka yang mengalami sindrom ini berisiko mendapat beberapa penyakit termasuk penyakit jantung, strok dan diabetes.

5. Ubat-ubatan

a. Sesetengah ubat seperti pencair darah (contohnya heparin) yang digunakan untuk mencegah darah beku meningkatkan risiko strok melalui pendarahan otak.

b. Kajian juga menemui bahawa terapi hormon untuk wanita menopaus meningkatkan risiko strok.

6. Umur


a. Meskipun strok boleh berlaku di semua peringkat umur, orang berumur lanjut lebih berisiko. Selepas umur 55, risikonya bertambah dua kali ganda setiap 10 tahun.

7. Jantina

a. Secara amnya, lelaki lebih kerap mengalami strok berbanding wanita. Namun, wanita lebih cenderung mendapat strok pada usia lebih tua, menjadikan mereka lebih susah untuk sembuh.

b. Selari dengan peribahasa keramat di dalam perubatan am, 'mencegah itu lebih baik daripada merawat', mulakan langkah pertama awda hari ini.

SYED HARITH, MUHAMMAD DANIYAL MATEEN JUARA PERTANDINGAN MARI BERCERITA 2022



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Bahasa Melayu, Syed Harith bin Syed Rozman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 November. - Syed Harith bin Syed Rozman dan Muhammad Daniyal Mateen bin Awang Adris masing-masing membuktikan kehebatan mereka dalam menyampaikan cerita mereka sehingga menambat hati para juri pertandingan untuk mengungguli gelaran juara Pertandingan Mari Bercerita 2022 yang berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), hari ini.

Juara Kategori Bahasa Melayu,

Syed Harith mewakili Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) yang membawakan cerita 'Kisah Pak Samad dan Anaknya' dan juara bagi Kategori Bahasa Inggeris, Muhammad Daniyal Mateen dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan tajuk ceritanya 'Pyaar : Love' masing-masing membawa pulang wang tunai sebanyak BND500 berserta hadiah-hadiah lain.

Naib juara pertandingan bagi kedua-dua kategori tersebut ialah perwakilan dari Sekolah Arab

Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Tinkerbell Learning School iaitu Za'eem Ukhrawi bin Hamdi yang membawakan cerita bertajuk 'Yeah Yeah' dan Mohammad Na'eimmuddin Khan bin Alif Khan menerusi 'The Missing Piece'.

Sementara Muhammad Nur Aiman bin Abdullah Mohammad Asmal Edhris@Muhammad Nur Islam wakil Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok Temburong dengan 'Kanak-Kanak Yang Bijak' di tempat ketiga bagi kategori Bahasa Melayu dan cerita 'Kasih Seorang Ibu' yang disampaikan oleh perwakilan St. Andrew's School, Nur Natasha Azzirah Fatihah binti Md. Nor Johaili di tempat keempat.

Manakala pemenang ketiga dan keempat bagi Kategori Bahasa Inggeris pula iaitu Bushraa Fatihah binti Haji Azman dari SR YSHHB dan Nuur Hazibah Naqqiyah binti Abdul Aziz dari Tinkerbell Learning School, masing-masing membawakan tajuk cerita 'The Selfish Pangolin' dan 'Tricks For Treats'.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohammad.

Pemangku Pengarah Dewan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman

Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab dalam alu-aluannya antara lain menyatakan, pada tahun ini, format pertandingan diubah bagi melahirkan peserta yang mampu untuk menghasilkan dan menceritakan cerita hasil ciptaan mereka sendiri.

Sebelum ini, katanya, para peserta hanya akan menghafal dari buku cerita yang terpilih dan menyampaikannya dengan cara tersendiri. Kita pasti, peserta yang banyak membaca akan dapat membuat karangan cerita yang baik dan menarik.

"InsyaAllah hasil cerita mereka akan dikumpulkan dan diterbitkan di dalam majalah Mekar atau dikompilasikan dan diterbitkan sebagai sebuah buku. Ini adalah salah satu strategi jabatan untuk meningkatkan bahan terbitan DBP dan melahirkan penulis-penulis muda sebagai pelapis. Selain dari itu, cerita-cerita itu juga akan dapat dikembangkan lagi dengan menghasilkan video pendek atau skrip pementasan," ujarnya lagi.

Pertandingan Mari Bercerita adalah projek tahunan anjuran Bahagian Perpustakaan, DBP, KKBS. Pertandingan ini

merupakan salah satu strategi DBP melalui Bahagian Perpustakaan untuk melahirkan dan mewujudkan masyarakat negara ini khususnya generasi kanak-kanak menjadi generasi yang berilmu, berpengetahuan, berwawasan dan maju dalam segenap lapangan demi kemajuan bangsa, agama dan negara.

Seramai lapan dari 71 peserta bertanding di peringkat akhir terdiri dari murid-murid sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan di kesemua daerah yang berusia 8 hingga 12 tahun.

Tujuan pertandingan ini adalah untuk memupuk semangat membaca khususnya dalam kalangan kanak-kanak, menjadikan cerita sebagai sumber inspirasi, imaginasi, inisiatif dan kreativiti semasa menyampaikan cerita, melatih kanak-kanak supaya berani berhadapan di khalayak.

Selain itu, membiasakan kanak-kanak petah dan lancar dalam menyampaikan cerita, melahirkan generasi yang berfikiran kreatif, terbuka dan berkeyakinan diri dalam mengekspresikan idea mereka serta mampu meluahkan diri dalam bentuk cerita.

Ke arah pengemaskinian, analisis data yang lebih efisien

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian bagi Projek The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning and Maintenance of The Web-Based Data Entry Platform and Data Analytics Visualization System dengan sebuah syarikat swasta, iaitu Syarikat Signature Trend Sdn. Bhd., di KSSUP, Jalan Menteri Besar, Berakas, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis tersebut, Setiausaha Tetap

KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab.

Turut serta menyaksikan majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap II, KSSUP, Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar. Semasa Majlis Penandatanganan tersebut, kontrak perjanjian ditandatangani oleh Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah bersama Syarikat Signature Trend Sdn. Bhd., ditandatangani oleh Awang Dharmik Sheth selaku Pengarah Syarikat.

Turut hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Awang Abuzar bin Haji Mohd. Tahir; dan Senior Data Analyst Syarikat Signature Trend Sdn. Bhd., Awang Wafi bin Talipudin.

Matlamat utama Projek The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning and Maintenance of The Web-Based Data Entry Platform and Data Analytics Visualization System ini adalah bagi meningkatkan pengemaskinian serta analisis data maklumat pengeluaran perusahaan pertanian dan agrimakanan serta produk import ke dalam negara dengan lebih



efisien, di samping memastikan kecekapan pengurusan, pengumpulan dan penyimpanan data maklumat tersebut.

Dengan adanya sistem ini nanti juga, segala maklumat akan

diperoleh dengan cepat dan tepat bagi pelanggan-pelanggan, sama ada daripada kalangan pengusaha maupun orang ramai.

>> Muka 12

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كل لأن قوسة دعوه اسلاميه

ZAKAT adalah salah satu kewajipan ke atas seorang Muslim yang cukup syarat kerana ia tergolong dalam Rukun Islam yang ketiga. Zakat juga sebagai tuggak ekonomi sosial umat Islam kerana pengagihannya mengikut peraturan atau perintah Allah yang ditetapkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 43, mafhumnya :

"Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat serta rukuklah bersama orang-orang yang rukuk".

Hadi riwayat Imam Al-Bukhari, daripada Ibnu 'Abbas RadhiAllahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"... sampaikanlah kepada mereka bahwa sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah mewajibkan zakat pada harta benda mereka, dipungut dari orang-orang kaya dan diberikan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka".

Mencari berkat dengan berzakat

Sewajarnya kita menyedari bahawa harta yang kita miliki bukanlah hak mutlak kita. Ia adalah amanah pinjaman yang bersifat sementara. Allah Subhanahu Wata'ala berkusa memberi dan mengambil semula harta yang dimiliki melalui pelbagai cara tanpa diduga. Harta boleh hilang, rosak, lesap, terbakar mahupun dicuri orang. Justeru itu, kita sewajarnya berwaspada dalam pembelanjakan harta dan menjaga amanah Allah kerana setiap sumber harta yang kita miliki akan dipersoalkan bagaimana ia diperolehi dan ia dibelanjakan.

Terdapat banyak hikmah apabila kita berzakat. Antaranya dapat meningkatkan nilai kehidupan. Lanya dapat membersih dan menyuburkan harta yang tinggal. Zakat yang dikeluarkan juga dapat membantu pihak yang memerlukan, di samping dapat merapatkan jurang sosial dalam kalangan para anggota masyarakat.

Keberkatan berzakat dapat dilihat dalam beberapa aspek kehidupan. Antaranya ialah dalam amalan dan ibadat yang dilakukan. Kita akan merasakan sesuatu yang damai, tenteram serta bersemangat untuk melakukan amal ibadat tersebut sehingga

ingin mengulanginya lagi tanpa jemu.

Allah Subhanahu Wata'ala juga akan menghindari mereka yang berzakat daripada segala sifat keji dan tercela seperti riak, ujub dan takabbur.

Berkat juga jelas kelihatan pada rezeki atau makanan yang diperoleh. Walaupun sedikit namun ianya mencukupi untuk menyara diri dan keluarga. Semua ini, sudah tentu akan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memperoleh keredaan-Nya. Inilah kebahagiaan hakiki yang patut dicari oleh seseorang hamba Allah.

Keberkatan juga kelihatan pada usia manusia. Jika usia kita diberkati, Allah Subhanahu Wata'ala akan mendorong kita untuk memanfaatkan usia dalam perjuangan menegakkan syiar Islam. Walaupun usia kita mungkin pendek, namun jasa yang dapat dicurahkan dalam perjuangan adalah besar dan mampu memenuhi matlamat hidup sebenar iaitu untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Keberkatan dapat dilihat dalam beberapa aspek perniagaan. Perniagaan akan memperoleh keuntungan melalui cara yang

baik dan tidak menipu serta bersumberkan dari modal yang halal. Lanya akan menggunakan keuntungan tersebut membantu masyarakat yang memerlukan.

Umat Islam yang menuaikan zakat menunjukkan yang mereka sebenarnya bersyukur atas nikmat yang Allah anugerahkan. Dengan sebab itulah harta yang diperolehi, mereka belanjakan pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala, bukan pada jalan maksiat.

Carilah keberkatan sama ada dalam jurusan pekerjaan, perniagaan atau apa jua yang kita usahakan. Semoga setiap amal yang kita lakukan mendapat berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala dan akan memperoleh limpahan rezeki yang tidak putus-putus. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Araf ayat 96, mafhumnya:

"Dan kalau lah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan".

42 PESERTA BENGKEL KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN ISLAM TERIMA SIJIL

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



RA'ES KUPU SB menyampaikan sijil kepada penerima pada Majlis Penutup di Dewan Tarbiah kolej berkenan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 November. - Bengkel Kemahiran Keibubapaan Islam anjuran Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang diadakan selama dua hari telah berakhir hari ini dengan penyampaian sijil pada Majlis Penutup di Dewan Tarbiah kolej berkenan yang disempurnakan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar kepada seramai 42 peserta bengkel.

Pengerusi Bengkel, Dr. Haji

Sham bin Haji Amin dalam ucapan penghargaannya menyampaikan antara objektif bengkel berkenaan diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan kemahiran tarbiah kepada ibu bapa dan juga kanak-kanak menurut Al-Quran dan Sunnah sesuai dengan perkembangan dan peredaran zaman masa kini.

Selain itu, untuk melahirkan ibu bapa yang berpengetahuan tinggi dan berkemahiran dalam mendidik anak-anak secara Islamik sama ada dari sudut teori, praktikal dan spiritual.

Dr. Haji Sham turut menambah, keluarga merupakan satu struktur yang bersifat khusus dan setiap individu yang berada di dalamnya diikat oleh satu ikatan melalui hubungan darah atau pernikahan.

"Perikatan itu membawa kepada wujudnya rasa saling mengharap yang sesuai dengan ajaran agama dan dikukuhkan lagi dengan kekuatan undang-undang serta wujudnya secara peribadi rasa saling mempunyai ikatan batin.

"Mematuhi perikatan kehidupan berkeluarga berpandukan ajaran agama Islam yang sebenar kerana perkahwinan adalah amanah besar yang perlu dipikul oleh setiap individu khususnya pasangan suami isteri," katanya.

Dr. Haji Sham seterusnya berharap agar para peserta dapat mempraktikkan dan mengamalkan segala ilmu yang diperoleh dalam kehidupan berkeluarga, para peserta diharapkan akan dapat mempraktikkan dan mengamalkan segala ilmu yang diperoleh dalam kehidupan berkeluarga secara istiqamah dalam membentuk dan melestarikan kebahagiaan rumah tangga yang *sakinah, mawaddah, warahmah* dan sentiasalah peka akan kehidupan beragama dengan mengamalkan kepatuhan Maqasid Syariah dalam keluarga.

Dari institusi keluarga yang sihat tersebut nanti akan melahirkan kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat, bangsa dan negara.

Sementara itu, Abdul Najib Syazwan bin Shahrani dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam ucapan wakil peserta lelaki menyampaikan bahawa bengkel berkenaan membekalkan pelbagai input yang sangat berguna untuk

Ke arah pengemasinan, analisis data yang lebih efisien

Siaran Akhbar :
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

>> Muka 11

Sebarang perancangan setentunya dapat dikenal pasti jangkaan-jangkaan terhadap hasil pengeluaran industri tanaman, ternakan dan agrimakanan, dalam memenuhi keperluan pelanggan dan orang ramai.

Projek ini adalah sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menggalakkan pembangunan transformasi digital ke arah Negara Pintar.

Projek seperti ini yang melibatkan teknologi maklumat akan meningkatkan kualiti ketelusan data yang diberikan oleh pihak yang berkenaan serta memudahkan penyaluran dan perkongsian data maklumat yang tertentu di antara pihak kerajaan bersama *stakeholder* yang berkepentingan.

diaplakasikan dalam kehidupan berumah tangga.

Modul-modul yang disampaikan turut membincangkan mengenai isu-isu semasa dalam kehidupan rumah tangga dan masyarakat secara amnya.

Menurutnya, khusus pada zaman kini yang pesat maju dengan digital aksesibiliti seiring dengan cabaran cabarannya, bengkel tersebut sangat membantu membekalkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam mendidik keluarga.

Pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Normasuzanah binti Badaruddin selaku wakil peserta wanita menjelaskan bahawa bengkel tersebut menyediakan pelbagai pengajaran termasuk kepentingan bagi para ibu bapa untuk sentiasa

menitikberatkan ajaran agama Islam dan mempraktikkan amalan-amalan beragama dengan sepenuh penghayatan sebagai panduan cara hidup berkeluarga kerana dengan akidah, iman yang kukuh dan akhlak yang mulia, segala isu dan permasalahan boleh dihadapi dengan baik.

Selain itu, tambahnya, bengkel tersebut mengajarkan mengenai kepentingan setiap ahli keluarga memainkan peranan dalam membudayakan penjagaan kesihatan mental dan fizikal agar dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian berkeluarga.

Seterusnya, para peserta turut diterangkan mengenai kemahiran memahami pelbagai corak atau gaya asuhan ibu bapa terhadap anak serta impaknya yang positif terhadap pembentukan sahsiah anak-anak.

Terus usaha, semangat demi mencapai kejayaan



52968 SLD. (U) Mohammad Norikmal bin Mohammad Sahrul Masdi bersama rakan-rakannya yang mengikuti jurusan Aircraft Maintenance Engineering in Avionics di IBTE.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 15 November.

- Orang ramai khususnya para pelajar dan mereka yang sedang berkhidmat di mana-mana sektor kerajaan atau swasta yang berkeinginan untuk melanjutkan pengajian di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) adalah dialu-alukan bagi untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran masing-masing.

Perkara berkenaan juga turut diakui sama oleh 52968 SLD. (U) Mohammad Norikmal bin Mohammad Sahrul Masdi dan rakan-rakannya yang mengikuti

jurusan Aircraft Maintenance Engineering in Avionics di IBTE.

Tambahnya, mereka yang mengikuti kursus berkenaan akan dapat mempelajari pelbagai ilmu asas mengenai pesawat dan pelbagai keselamatan yang berkaitan sepanjang mengikuti pengajian di IBTE.

Hal ini katanya, supaya mereka faham mengenai Aircraft Maintenance Engineering, di samping bukan sahaja untuk kepentingan pesawat, malah ia juga berkaitan dengan nyawa-nyawa individu.

Beliau yang mengikuti jurusan berkenaan secara sepenuh masa juga menyatakan antara cabaran yang dihadapi adalah semasa menjalani praktikal ke atas pesawat semasa penempatan kerja kerana sebelumnya beliau tidak mempunyai pengalaman dalam memperbaiki pesawat.

Justeru itu, beliau berazam untuk memperbaiki dan mengetahui lebih lanjut selain mempelajari jurusan berkenaan bagi keperluan dan ilmu sehari-hari di tempat beliau bekerja, iaitu di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

Oleh itu katanya lagi, para pelajar dinasihatkan untuk mengikuti dan mencuba kerana jika tidak mencuba kita tidak akan mengetahui apa yang diperolehi dan tidak tahu cabaran yang dihadapi semasa mengikuti pengajian di IBTE.

Sementara, Dayangku Siti Nur Wardina binti Pengiran Rooslan melahirkan perasaan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa dan gembira kerana tidak menyangka akan dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik bagi Program NTec dalam 'Crop and Livestock Production'.

Menurutnya, mengikuti program selama satu tahun berkenaan bertujuan untuk menimba ilmu pengetahuan di samping mencari pengalaman dalam bidang jurusan lain.

Dayangku Siti Nur Wardina juga merancang untuk terus belajar dan meningkatkan lagi kualiti ilmu pada masa akan datang.

Dalam pada itu, beliau juga turut mengongsikan pengalaman semasa mengikuti pengajian di



DAYANGKU Siti Nur Wardina binti Pengiran Rooslan dan Dayang Aziemah Diyanah binti Bujang@Kamaludin semasa ditemu bual (kiri dan kanan).

IBTE terutama semasa mengikuti pengajian secara dalam talian disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan ia sedikit sebanyak memberi kesan dan impak yang ketara dalam mutu pembelajarannya.

Begitu juga dengan salah seorang penerima Anugerah Best Teacher Trainee Award 2022, iaitu Dayang Aziemah Diyanah binti Bujang@Kamaludin yang melahirkan rasa terharu dan beruntung kerana berpeluang mengikuti Kursus Teaching Program selama satu tahun dan 10 bulan di IBTE.

Beliau yang mengajar di bawah Interior Design di Politeknik Brunei seterusnya menyifatkan bahawa pelbagai kaedah pengajaran, praktikal dan teknik mengajar

adalah sangat penting bagi seorang pengajar.

Malah, ilmu yang dipelajari dan bidang yang diceburi juga akan dikongsikan kepada para pelajar lebih-lebih lagi untuk bagaimana mempraktikkan teori dan praktikal bersama mereka khususnya di Kampus Lumut.

Oleh itu, beliau menyeru kepada para graduan yang belum menamatkan pengajian mereka di IBTE dalam mana-mana bidang supaya terus berusaha bersungguh-sungguh dan bersemangat demi mencapai kejayaan yang diimpikan. Malahan, sokongan daripada semua pihak lebih-lebih lagi ahli keluarga memainkan peranan penting demi mencapai sesuatu kejayaan.

Mahar Isteri Setelah Memeluk Islam

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MAHAR atau mas kahwin ialah suatu pemberian wajib yang diberikan kepada perempuan apabila berlaku pernikahan yang sah atau persetubuhan yang berlaku secara *syubhah*. Dalam Islam, mahar adalah hak isteri dan menjadi milik mutlak isteri termasuk isteri yang baru memeluk ugama Islam.

Suami isteri yang bukan berugama Islam kemudian kedua-duanya memeluk Islam bersama-sama, sama ada setelah atau sebelum berlaku persetubuhan, maka menurut ijma' ulama perkahwinan itu masih sah dan kekal tanpa perlu kepada akad nikah dan mahar yang baru kecuali ada perkara yang boleh membantalkan perkahwinan tersebut seperti pasangan suami isteri yang memeluk Islam itu merupakan pasangan adik-beradik senasab atau susuan kerana dalam Islam perkahwinan adik-beradik senasab atau susuan adalah haram. Oleh itu, jika berlaku perkara seumpama ini, pasangan berkenaan wajib dipisahkan.

Berhubung dengan persoalan mahar pula, jika dalam perkahwinan orang bukan Islam itu isteri berhak menerima suatu pemberian yang serupa seperti mahar, kemudian kedua-dua suami isteri tersebut memeluk ugama Islam bersama-sama, maka kedudukan pemberian itu memerlukan penjelasan hukum. Oleh itu, ruangan Irsyad Hukum pada kali ini akan

menjelaskan hukum berkaitan pemberian tersebut.

Pemberian Yang Sahih Dan Yang Fasid

Pemberian yang berhak diterima isteri di dalam perkahwinan orang bukan Islam itu menurut pandangan syara' terbahagi kepada dua. Pertama ialah pemberian yang sah seperti wang tunai, barang kemas perempuan yang diperbuat daripada emas atau selainnya. Kedua ialah pemberian yang *fasid* (rosak) antaranya kerana mahar itu daripada benda najis seperti arak, khinzir atau selainnya.

Pemberian yang sah atau *fasid* itu adakalanya telah pun diterima keseluruhannya oleh isteri sebelum memeluk ugama Islam dan adakalanya isteri belum menerima suatu pun daripada pemberian itu. Berikut adalah penjelasan hukum mengenainya.

1. Pemberian yang sah menurut syara'

Di dalam perkahwinan orang bukan Islam, isteri diberi pemberian yang sah menurut pandangan syara' dan isteri tersebut telahpun menerima (*qabdh*) keseluruhan pemberian itu sebelum memeluk ugama Islam. Dalam keadaan seperti ini, pemberian yang sah tersebut adalah memadai dan suami tidak lagi dituntut memberi isterinya mahar selainnya.

Jika isteri belum menerima (*qabdh*) suatu pun daripada pemberian yang sah itu sebelum memeluk ugama Islam, maka isteri berhak mendapat pemberian yang

sahih itu sebagai mahar setelah memeluk ugama Islam.

2. Pemberian yang fasid menurut syara'

Di dalam perkahwinan orang bukan Islam, isteri diberi pemberian yang *fasid* menurut pandangan syara' dan isteri tersebut telahpun menerima (*qabdh*) keseluruhan pemberian *fasid* itu sebelum memeluk ugama Islam. Dalam keadaan seperti ini, pemberian *fasid* tersebut adalah memadai dan telah gugur kewajipan (*dzimmah*) suami untuk memberi isterinya mahar sahah yang lain sebagai ganti kepada pemberian *fasid* yang telah diterima isteri.

Manakala isteri yang belum menerima (*qabdh*) suatu pun daripada pemberian yang *fasid* itu sebelum memeluk ugama Islam, maka wajib diberi mahar *mitsl* kepada isteri sebagai ganti kepada pemberian yang *fasid* itu.

Mahar *mitsl* itu ialah suatu kadar mahar yang biasanya menjadi kesukaan perempuan-perempuan yang setaranya berdasarkan nasab dan sifat dari kalangan perempuan-perempuan sebelah bapanya (*ashabah*).

Hukum wajib mengganti pemberian yang *fasid* kepada mahar *mitsl* kerana pemberian yang *fasid* seperti arak dan khinzir setelah kedua-duanya memeluk ugama Islam adalah jelas ditegah.

Adapun perkahwinan orang bukan Islam yang tidak menghendaki suami memberi sebarang pemberian yang serupa seperti

IRSYAD HUKUM
جایزه معتبر کارگزاری
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

mahar kepada isteri, jika mereka memeluk ugama Islam bersama-sama maka suami tidak diwajibkan memberi mahar.

Sebagai kesimpulan, isteri yang telah menerima (*qabdh*) keseluruhan pemberian yang serupa seperti mahar sebelum memeluk ugama Islam, maka pemberian tersebut adalah memadai, sama ada pemberian itu pemberian yang sah atau pemberian yang *fasid*.

Isteri yang belum menerima suatu pun daripada pemberian yang sah sebelum memeluk ugama Islam, maka setelah memeluk ugama Islam bersama-sama suaminya dia berhak menerima pemberian yang sah itu sebagai mahar. Manakala isteri yang belum menerima suatu pun daripada pemberian yang *fasid* sebelum memeluk ugama Islam atau menerimanya setelah memeluk ugama Islam, maka wajib diberi mahar *mitsl* sebagai ganti kepada pemberian yang *fasid* itu.

UNISSA, BILIF tandatangani MoU kukuhkan jalinan kerjasama



REKTOR UNISSA hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU yang berlangsung di Auditorium, UNISSA (atas dan atas kanan).

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) hari ini memperkuatkannya lagi jaringan rakan strategik dengan memperbaharui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF).

Hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU yang berlangsung di Auditorium, UNISSA di sini, Rektor UNISSA,

Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal. Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Dekan FEKIm, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani manakala bagi pihak BILIF ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluan Dekan FEKIm menjelaskan bahawa FEKIm UNISSA dan BILIF merupakan dua teman seperjuangan yang berjalan seiring memainkan peranan masing-masing dalam sama-sama melahirkan dan

meningkatkan kemahiran sumber tenaga manusia, bukan sahaja di dalam industri kewangan, malahan juga di sektor awam dan swasta.

Menurutnya, peranan signifikan yang dimainkan oleh FEKIm UNISSA dan BILIF berkenaan telah mendapat pengiktirafan dunia apabila kedua-duanya menerima anugerah Global Islamic Finance Award (GIFA) pada tahun 2019 di Cape Town, Afrika Selatan dan pada tahun 2021 di London, United Kingdom.

Beliau seterusnya menjelaskan, dengan adanya pembaharuan MoU antara FEKIm UNISSA dan



BILIF berkenaan akan dapat memperkuatkannya lagi jalinan kerjasama yang sedia ada.

Semasa menyampaikan ucapan kata basah, Dayang Hajah Sufinah menjelaskan, sejak penandatanganan MoU yang pertama, iaitu pada tahun 2017, BILIF dan FEKIm UNISSA telah banyak bekerjasama dalam usaha mempertingkatkan dan mengembangkan majukan industri kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam, iaitu penyertaan para pegawai UNISSA sebagai penceramah / speaker dan moderator dalam pelbagai program latihan dan acara bertaraf tinggi anjuran BILIF; dan keterlibatan pihak UNISSA sebagai ahli jawatankuasa kerja dan ahli jawatankuasa pandu bagi projek LIFE ataupun Leadership in Islamic Finance and Economics.

Beliau seterusnya menambah, kerjasama berkenaan adalah penting dan sangat relevan kerana ia selaras dengan misi

BILIF untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan, melalui pelbagai program dan acara bertaraf antarabangsa dan juga misi UNISSA untuk melahirkan pemimpin yang soleh dan berkebolehan kepada menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecermerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Majlis diserikan lagi dengan perkongsian Bicara Ilmuwan yang disampaikan oleh Profesor FEKIm, UNISSA, Dr. Haji Razali bin Mat Zin; dan Pengurus, Learning & Development Department, BILIF, Dayang Rubby Sandra binti Mohammed.

Juga hadir, para Pegawai Eksekutif dan Utama UNISSA, mahasiswa serta mahasiswi UNISSA dan para pegawai kanan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan para pegawai BILIF.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB / TA / 12

MAINTENANCE OF FIBER OPTIC INFRASTRUCTURE
TUTONG CAMP - LUMUT CAMP,
MINISTRY OF DEFENCE,
BRUNEI DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 22 November 2022.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 November 2022,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KK / 291 / 2022 / ESTETRIPASH (TC)

Tajuk Tawaran :
The Provision of Comprehensive Maintenance Services for Lifts and Dumbwaiters at Women and Children Centre Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital for a period of Three (3) Years

Kelayakan Pemberong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Kelas :
II dan Keatas

Kategori :
KPME02

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM

Kelas : V

Kategori : M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ACM / 30 / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI OPERASI DAN PEMELIHARAAN SISTEM PENGHAWA DINGIN BAGI 'GROUP LOCATION 3' UNTUK TEMPOH TIGA (3)

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran :
APM.2022-2023 / SH-04

Tajuk Tawaran :
"TO DESIGN, FABRICATE AND INSTALL NEW RECEPTION LOBBY AREA AT VIP COMPLEX, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT"

Syarat Kelayakan :

Kelas :
I, II atau III

Kategori Kerja :
KA 01 dan KPB 16

TAHUN (2022)

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
29 November 2022

Tarikh Tutup :
Selasa,
13 Disember 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / BMP / 5.1 / P

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI RUANG KEDAI NO.3, DEWAN KEMASYARAKATAN KAMPUNG PANDAN, KUALA BELAIT.

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran :
JPA / AME / 1107-012 / IV

Tajuk Tawaran :
Implementation of Procedural Airspace Design and ATC Procedure

Tarikh iklan / mengambil dokumen Tender :
Sabtu, 22 Oktober 2022

Tarikh terakhir mengambil



Tarikh Tutup Tawaran :
Sabtu, 10 Disember 2022



dokumen Tender :
 Isnin, 19 Disember 2022
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tender :
Selasa, 20 Disember 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
SPA / BPK / 09 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
PEMBEKALAN 4 UNIT WHITEBOARD WITH ADJUSTABLE MOBILE STAND DAN 1 UNIT WHITEBOARD WITH ALUMINIUM FRAME DI BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM



Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 24 November 2022,
Jam 12.00 Tengah Hari

(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 298 / 2022 / DSS

Tajuk Tawaran :
To Supply, Deliver, Install, Test and Commission One (1) Lot of High Performance Liquid Chromatography (HPLC) System for Food Chemistry Section, Department of Scientific Services, Ministry of Health

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 294 / 2022 / UPP

Tajuk Tawaran :
Supply and Delivery Assessment Tools for Child Development Centre (CDC) At Kampong Kiarong, Ministry of Health

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 296 / 2022 / JPR

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery and Design of Hand Sanitiser Dispenser for Department of Renal Services, Ministry of Health

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 November 2022,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
MFA / ICT / 2022 / T3

Tajuk Tawaran :
"The Supply, Delivery, Installation, Warranty & Maintenance Of Email Security Appliance And Backup Server (File Server) At Ministry Of Foreign Affairs"

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 29 November 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tajuk Tawaran :
Supply and Delivery Eye Consumables Items (Acrysoft Toric)

Posterior Intraocular Chamber (IOL) for Eye Centre, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha for a period of Three (3) Years

Bayaran

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 294 / 2022 / UPP

Tajuk Tawaran :
Supply and Delivery Assessment Tools for Child Development Centre (CDC) At Kampong Kiarong, Ministry of Health

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 296 / 2022 / JPR

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery and Design of Hand Sanitiser Dispenser for Department of Renal Services, Ministry of Health

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND30.00

>> Muka 15

mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **23 November 2022, jam 9.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
31 Oktober 2022

KES NO. BCY / CP / 207 / 2022

HAJI LUKMAN HAKIM BIN HAJI RAMLI
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

JAMAIAH BINTI HAJI MD NOOR
@
NORAINI BTE HAJI MD NOOR
(BYIC No. 00-049062)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Oktober 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (R2-3), Mahkamah Besar pada **23 November 2022, jam 9.45 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **23 November 2022, jam 9.45 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
31 Oktober 2022

MOHAMMAD MARZUQI BIN SABTU

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 3 / 2021

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

NAEMAH BINTI HAJI ABAS
(BYIC No. 00-278835)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **26 Mac 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan

bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-3), Mahkamah Besar pada **8 Disember 2022, jam 9.00 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8 Disember 2022, jam 9.00 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
25 Oktober 2022

KES NO. BCY / CP / 75 / 2022

KATHRINE GIRJA VISWANATHAN
(BPIC No. 51-226865)
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

GOPALAKRISHNAN SATTIYA SELAN
(BPIC No. 30-108597)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **14 Julai 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-3), Mahkamah Besar pada **8 Disember 2022, jam 9.30 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **8 Disember 2022, jam 9.30 pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
25 Oktober 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 173 / 2022

MALAYAN BANKING BERHAD
- Pemutang Penghakiman / Pemetisyen

SAMSUDIN BIN HAJI AHMAD
(BYIC No. 00-060043)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Oktober 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-5), Mahkamah Besar pada **7 Februari 2023, jam 9.15 pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **7 Februari 2023, jam 9.15 pagi** di Mahkamah Besar.

Bertarikh :
25 Oktober 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/p Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar



TAWARAN PERKHIDMATAN BAGI SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA, JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA BAGI TEMPOH TIGA (03) TAHUN

DAERAH BRUNEI DAN MUARA
1) No. Tawaran :

KHEU / JPI / KANTIN / 15 / 06

Nama Sekolah Ugama :
SEKOLAH UGAMA MADANG, KAWASAN BRUNEI II A

DAERAH TUTONG

1) No. Tawaran :
KHEU / JPI / KANTIN / 35 / 06

Nama Sekolah Ugama :
SEKOLAH UGAMA TUMPUMAN TELISAI, KG TELISAI, TUTONG II

BAYARAN : BND5.00

Tarikh Tutup :
Rabu, 28 Rabiulakhir 1444H / 23 November 2022M, Sebelum jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-10

'The Supply, Delivery, Installation And Testing Of Tilting Siphon Rainfall Recorder For The Brunei Darussalam

**NOTIS SEBUT HARGA**

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q26

Tajuk Sebut Harga :
INVITATION TO SUPPLY BARRACUDA BACKUP SERVER LICENSE RENEWAL FOR 1 YEAR (17/03/2023 - 16/03/2023)

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q27

Tajuk Sebut Harga :
INVITATION TO SUPPLY FLOWAVE MOD PORTAL LICENSE RENEWAL FOR 1 YEAR (01/03/2023 - 28/02/2024)

Bayaran Sebut Harga :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
 Isnin,
7 November 2022

Tarikh Akhir Pembelian Dan Pembayaran :
Khamis,



17 November 2022
Tarikh Tutup :
 Isnin,
21 November 2022, Sebelum 9.00 Pagi

**Pemberitahuan Tawaran**

Bilangan Tawaran :
RTB / 17 / 2022

Tajuk Tawaran :
Term Contract Of Twenty-Four (24) Months Period For Operation, Routine Maintenance & Repair Work For Air-Conditioning Systems (HVAC) At Radio Television Brunei Broadcasting Complex,



Sungai Akar
Bayaran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
30 November 2022

32 PELAJAR SERTAI MINGGU INCUFEST X UBD ENTREPRENEURS

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Selasa, 15 November. - Perkampungan Keusahawanan (Entrepreneurship Village - EV), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Pejabat Perhubungan dan Kemajuan Alumni (OARA) telah menganjurkan Minggu IncuFest (Incubation Festival) x UBD Entrepreneurs yang berlangsung di Student Centre, UBD bermula 14 hingga 17 November 2022.

Minggu IncuFest x UBD Entrepreneurs bertindak sebagai platform untuk startups pelajar dalam mempamerkan perniagaan dan idea konsep inovatif mereka kepada orang ramai.

Seramai 32 pelajar daripada pengambilan bulan Ogos 2022 bagi Program Inkubasi Discovery Year (DY) daripada latar belakang pelbagai disiplin mempamerkan idea perniagaan mereka dalam kategori hiburan, runcit, makanan dan minuman serta perkhidmatan.

Startups pelajar menjalani latihan dalam membina minda keusahawanan dan pelbagai kemahiran melalui satu siri bengkel dan aktiviti untuk membantu membangunkan projek-projek keusahawanan mereka semasa semester.

Turut serta dalam acara empat hari itu ialah lapan usahawan mantap dari Alumni UBD. Alumni ini bertindak sebagai contoh kepada startup pelajar dengan menggambarkan keusahawanan sebagai lajuan pasca-universiti yang memungkinkan serta berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kebijaksanaan mereka dalam mengekalkan perniagaan.

Alumni UBD, terutamanya mereka yang berniaga secara strategik sejarah dengan kekuatan dan bidang tumpuan teknikal UBD, juga boleh menyertai UBD Startup Centre (USC) untuk memajukan perniagaan mereka.

Hadir bagi merasmikan majlis tersebut ialah Penolong Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD, Profesor Dr. Mohd. Ayub Sadiq.

Beliau turut menyaksikan pameran projek inovasi yang terdiri daripada 29 projek individu dan lima berkumpulan serta pameran daripada lapan usahawan Alumni UBD.

Dalam ucapannya, beliau menyebut bahawa UBD menumpukan usaha sama dengan industri dalam pelbagai bidang manfaat bersama, termasuk



PENOLONG Naib Canselor (Inovasi dan Perusahaan) UBD, Profesor Dr. Mohd. Ayub Sadiq semasa hadir pada Minggu IncuFest (Incubation Festival) x UBD Entrepreneurs yang berlangsung di Student Centre, UBD.

penyelidikan dan pembangunan bersama serta Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Ini dilakukan dengan memanfaatkan kekuatannya yang terbukti dalam pengajaran dan penyelidikan seperti yang terbukti daripada peningkatan terkini dalam Kedudukan Universiti Dunia Times Higher Education (THE).

EV dan USC ialah dua saluran yang telah dibuka oleh UBD kepada organisasi luar untuk bekerjasama dengan university

dengan membenarkan industri bekerjasama rapat dengan pemula UBD dan Ahli Alumni USC.

Semasa acara itu, startups pelajar juga berpeluang melontarkan idea perniagaan mereka kepada hakim industri dari Bank Baiduri, Shell LiveWIRE Brunei dan Darussalam Enterprise (DARe).

Pertandingan LivePitch bertujuan untuk memastikan kebolehlaksanaan perniagaan, inovasi dan kemampuan idea dan

konsep serta memberi maklum balas kepada syarikat pemula sebelum memajukan idea mereka untuk penyelidikan dan pembangunan lanjut serta pengkomersian.

Acara ini telah diadakan dua kali setahun untuk mewujudkan ekosistem inovasi yang dinamik dan menyokong untuk pemula dan usahawan di universiti, sejajar dengan misi UBD untuk menjadi 'Universiti Inovasi dan Perusahaan'.



Kukuhkan institusi keluarga dengan acuan Islam

ALlah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan undang-undang keluarga Islam sebagai panduan kepada seluruh institusi keluarga. Institusi keluarga dapat memelihara akhlak, tatasusila dan kemuliaan manusia melalui ikatan perkahwinan. Di samping itu, ia mempunyai peranan yang amat penting dalam pembentukan individu kerana peribadi yang baik akan membentuk keluarga yang baik, daripada keluarga yang baik akan melahirkan masyarakat yang baik dan seterusnya tertegak sebuah negara yang cemerlang di bawah keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam menyusun keluarga yang tenteram dan sejahtera, Islam

berpandukan kepada dua prinsip. Prinsip yang pertama ialah didikan yang mengukuhkan kesedaran beragama dan prinsip yang kedua pula ialah undang-undang serta peraturan yang menentukan kewajipan, hubungan antara suami isteri, kewajipan terhadap anak-anak, nafkah, peraturan jika berlaku perselisihan dan perceraian.

Keruntuhan dan kegelisahan yang banyak berlaku di dalam keluarga Islam hari ini adalah kerana pembentukannya yang tidak sangat memenuhi kehendak Islam. Selain daripada kurangnya asas-asas keagamaan, pasangan suami isteri pula jahil tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan hubungan antara

mereka, dan tanggungjawab keduanya terhadap anak-anak. Keluarga mesti disusun dan dikawal oleh rasa tanggungjawab dan menghormati nilai-nilai akhlak Islamiah.

Ibu bapa sebagai pendidik perlu sentiasa memberikan perhatian terhadap melaksanakan segala perintah yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Keyakinan beragama perlulah dipupuk sehingga menjadi darah daging dalam kehidupan. Sudah pasti anak akan membesar di atas dasar iman dan takwa dan akan bertapak padanya akhlak dan budi pekerti yang mulia. Perlulah diingatkan bahawa sebagai ibu atau bapa kita terlebih dahulu perlu

memiliki akhlak yang mulia. Dengan akhlak yang dapat dicontoh, ibu bapa menjadi teladan kepada anak-anak.

Marilah kita bermuhasabah bersama dan berusaha memainkan peranan masing-masing dengan sebaik-baiknya khususnya dalam membentuk individu, keluarga dan masyarakat Islam sebagai persediaan merealisasikan negara Islam yang akan memberi kesejahteraan untuk kita semua.

Nama: Muhammad Rahmat bin Roslan
No. K/P : 01-107XXX (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Tingkatkan Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit'. Tarikh Tutup : 16 November 2022
2. 'Suburkan Budaya Bergotong-royong'. Tarikh Tutup : 23 November 2022
3. 'Waspadai Sindiket Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 30 November 2022

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PESTA KERJAYA : REBUT PELUANG PEKERJAAN

■ Siaran Akbar : Jawatankuasa Media Pesta Kerjaya 2022

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Lebih 100 buah syarikat di sektor swasta mewakili pelbagai industri akan ikut serta dalam Pesta Kerjaya yang dianjurkan oleh Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri.

Acara yang berlangsung selama lima hari berkenaan akan diadakan di Dewan 1 dan 2, Dewan Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong bermula pada Rabu, 23 November 2022 hingga Ahad, 27 November 2022 dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali pada Jumaat, ia akan dibuka pada jam 2.30 petang hingga 5.00 petang.

Terdapat lebih 2,500 peluang pekerjaan yang menawarkan peluang menarik bagi para pencari kerja tempatan di semua peringkat untuk meneroka peluang kerjaya yang ada dalam Industri IT, minyak dan gas, pembinaan, peruncitan, makanan dan minuman (F&B) dan banyak lagi.

Peluang pekerjaan berkenaan juga ditawarkan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai salah satu inisiatif yang inklusif di tempat kerja.

Selain daripada syarikat di sektor swasta, lebih 30 buah agensi kerajaan akan turut ikut serta termasuk institusi-institusi pendidikan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pusat Pembangunan Belia dan yang lain lagi.

Terdapat banyak aktiviti menarik bagi para pengunjung di seluruh peringkat umur seperti pameran, temu duga terbuka, klinik bagi tip penulisan Curriculum Vitae (CV) dan temu duga, pelbagai taklimat menarik dan demonstrasi secara langsung dan permainan menarik.

Semua para pencari kerja adalah dinasihatkan untuk membawa salinan CV terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan kerana terdapat peluang untuk menghadiri temu duga terbuka yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat.

Maklumat lanjut mengenai Pesta Kerjaya dan makluman yang berkaitan akan disiarkan melalui akaun Instagram di @mpec_secretariat dan @jobcentrebrunei.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai dengan Pesta Kerjaya, sila hubungi Sekretariat Pesta Kerjaya melalui talian +673 8239933.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bermula 21 November

■ Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam akan menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi.

Musabaqah akan diadakan selama empat hari berturut-turut, bermula pada Isnin, 21 November 2022 hingga Khamis, 24 November 2022 di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 54 peserta, terdiri daripada 41 qari dan 13 qariah akan memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari pertama hingga hari terakhir pertandingan.

Sementara itu, Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para Peserta dan Hakim Musabaqah berkenaan akan diadakan pada Khamis, 24 November 2022, di tempat yang sama.

Orang ramai boleh mengikuti musabaqah ini secara langsung melalui akaun Instagram rasmi KHEU, @kheu.brunei.

Bantu kesan Lai Vui Hiung

■ Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Satu laporan dibuat di Balai Polis Sengkurong untuk mengesan seorang pekerja dipercayai lari daripada majikan.

Pekerja tersebut, seorang lelaki, warganegara Cina, bernama Lai Vui Hiung, berumur 43 tahun dan no. PPT H53954894.

Sehubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPBD) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai jika terdapat sebarang maklumat mengenai, sila hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau ke mana-mana Balai Polis berdekatan.



LAI VUI HIUNG, berumur 43 tahun dilaporkan lari daripada majikan.

NASIONAL



Gulmat bermaksud sangat gelap tentang cuaca dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : baiklah kamu mulih ka rumah, **gulmat** usul ari atau kan ujan.

Gurimbing bukit bermaksud bahagian bukit yang curam dan sukar didaki.
Contoh pemakaian kata : inda lagi tahambil kambahau di darat atu, liwat, luan **gurimbing bukit** arahnya.

Baijajah bermaksud kelayakan akademik yang dianugerahkan oleh pusat pengajian tinggi kepada seseorang mahasiswa yang telah menamatkan sesuatu kursus serta lulus peperiksaan (ujian) dengan tahap kecermelangan tertentu; ijazah.
Contoh pemakaian kata : anak-anaknya samua **baijajah** tu.

Mailir bermaksud mengalir tentang air, air mata dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : **mailir** aing matanya takanangkan mulah mamanya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Kampung Kota Batu



Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Bubur Sagu Merah Delima

BAHAN-BAHANNYA :

- ½ kilogram sagu (ditebus dan toskan)
- 1 cawan santan
- 1 tin susu cair
- 1 tin kecil susu manis

1 cawan air

Sehelai daun pandan

Gula (jika mahu manis)

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Masukkan santan, susu cair,

susu manis, air dan gula.

Masukkan daun pandan dan tunggu hingga mendidih.

Kemudian tuang ke dalam hidangan sagu sebelum dinikmati.

TINGKATKAN KESEDARAN BAHAYA PENYALAHGUNAAN TEKNOLOGI



PENGANALISA Keselamatan, Cyber Security Brunei, Dayang Nomi Hafiz Zakiah binti Haji Pawi semasa menyampaikan taklimat mengenai 'Jenayah Siber'.

BERAKAS, Selasa, 15 November. - Walaupun dengan jumlah penduduk yang sedikit, Negara



PARA peserta PMB semasa melawat ke Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas iaitu Balai Bomba, Unit Operasi Wanita, Cawangan Operasi C.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Brunei Darussalam (NBD) berada dalam kedudukan kedua dari segi penggunaan sosial media, selepas Kuwait.

Berbanding dengan banyak negara lain yang mempunyai penduduk yang ramai, kedudukan NBD di tempat kedua tersebut bukanlah sesuatu yang perlu dibanggakan kerana masyarakat mungkin belum mengetahui bahaya daripada penggunaan sosial media jika tidak dimanfaatkan dengan baik.

Seiring dengan perkembangan dan kemajuan teknologi informasi dan komunikasi, tidak dinafikkan telah banyak membawa kemudahan dan perhubungan komunikasi yang lebih efisien.

Namun penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menjadikan

siber sebagai medium melakukan jenayah yang mampu mengugat keselamatan masyarakat khususnya dalam kalangan remaja.

Penganalisa Keselamatan, Cyber Security Brunei, Dayang Nomi Hafiz Zakiah binti Haji Pawi mengongsikan perkara tersebut semasa sesi taklimat mengenai 'Jenayah Siber' bagi para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) Jemaah Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, Jemaah Muslimah Masjid Kampung Sungai Bunga dan Jemaah Muslimah Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah Kampung Sungai Akar bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Berakas.



SEBAHAGIAN daripada peserta Jemaah Muslimah yang mendengarkan taklimat pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) tersebut.

Sesi taklimat tersebut dihasrat untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya penyalahgunaan teknologi media sosial, seperti *cyber-bully* dan penipuan dalam talian atau *scamming* atau *phishing* serta peras ugut.

Menurut Dayang Nomi Hafiz Zakiah, statistik yang diperoleh daripada Global Digital Overview 2022 (Brunei Darussalam), menunjukkan bahawa daripada sejumlah 443,500 keseluruhan penduduk NBD, seramai 516,500 adalah pengguna sosial media yang aktif, iaitu 116.5 peratus pengguna sosial media daripada keseluruhan penduduk negara.

Beliau turut menjelaskan bahawa perkongsian maklumat peribadi terperinci secara dalam talian boleh digunakan oleh penjenayah siber dengan mengeksplotasinya dengan mudah untuk melakukan

jenayah terancang dan oleh itu pengguna perlu lebih berwaspada dan berhati-hati serta mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian.

Untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian, beliau menasihatkan para pengguna untuk tidak terlalu mendedahkan maklumat peribadi seperti nama penuh, nombor telefon, alamat rumah, kata laluan rahsia (*password*), lokasi awda berada dan sebagainya.

Sejurus sesi taklimat berkenaan, para peserta juga dibawa melawat ke Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama Berakas iaitu Balai Bomba, Unit Operasi Wanita, Cawangan Operasi C, untuk mengetahui peranan dan tugas serta tanggungjawab jabatan berkenaan.

Program Masyarakat Bermaklumat terus digiatkan



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan semasa hadir pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Jemaah Muslimah dari Masjid Hassanal Bolkiah Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, Masjid Kampung Sungai Bunga dan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar (atas) manakala gambar atas kanan, taklimat mengenai peranan, dasar dan peraturan disampaikan oleh wakil dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 15 November. - Dalam usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menginspirasikan anggota masyarakat melalui aktiviti keusahawanan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), hari ini mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB). Program tersebut melibatkan seramai 29 Jemaah Muslimah dari

Masjid Hassanal Bolkiah Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri, Masjid Kampung Sungai Bunga dan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Berakas.

Terdahulu, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir selaku Pengerusi dalam ucapannya menyentuh mengenai program tersebut yang merupakan salah satu landasan

Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

"Program ini juga diharap agar dapat menjadi agenda dan platform kerjasama yang unggul bagi membina jambatan perhubungan yang kukuh di antara Jabatan Penerangan dan semua anggota masyarakat dan akan diteruskan pada masa yang akan datang untuk mengeratkan lagi hubungan yang sudah terjalin



erat," tambah beliau.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Perisian program diisikan dengan penyampaian taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris yang bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam'.

Taklimat tersebut menekankan akan pentingnya menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara, peranan dan tanggungjawab rakyat kepada negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang untuk kesejahteraan negara.

Taklimat seterusnya adalah mengenai Wawasan Brunei 2035

dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, JPM yang mengongsikan beberapa inisiatif dan perkembangan terkini yang dilaksanakan ke arah menuju wawasan negara dalam bidang pendidikan, sumber tenaga manusia, sektor kesihatan, infrastruktur dan peningkatan keberkesan dan produktiviti sektor awam.

Taklimat mengenai peranan, dasar dan peraturan dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) pula telah menghuraikan mengenai Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006, barang-barang sekatan dan larangan, tatacara memohon eksport dan import barang, prosedur memproses deklarasi, tatacara permohonan barang transit dan pindah barang, cukai, penguatkuasaan kawalan barang subsidi dan kesalahan-kesalahan dan penalti Kastam.

PENDIDIKAN KEKELUARGAAN DOMINASI PEMBENTUKAN SYAKHSIAH ANAK-ANAK



SEKITAR Bengkel Kemahiran Keibubapaan Islam Kali-2 bertempat di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (kiri dan kanan).

ialah melahirkan generasi yang berdisiplin dan bertanggungjawab serta dapat mendepani dan mengatasi pelbagai isu sosial pada masa kini.

Terdahulu, Dr. Sham menjelaskan ibu bapa merupakan ahli keluarga yang berperanan penting dalam mewujudkan keluarga sakinah, *mawaddah warahmah*.

Ibu bapa terangnya juga merupakan agen pembentukan syakhsiah anak-anak dengan menyediakan persekitaran yang sihat dan islamik.

Bengkel yang dikendalikan oleh

KUPU SB melalui Pusat Kajian Fiqh al-Usrah, KUPU SB berkenaan mengetengahkan beberapa tajuk yang dibincangkan termasuk 'Penerapan Nilai Aqidah dan Akhlak Mengikut Sunnah Dalam Institusi Keluarga'; 'Pendidikan Jasmani Rohani dan Mental Melahirkan Keluarga Bahagia'; 'Menangani Kemelut Pasangan dan Keluarga: Pencegahan dan Penyelesaiannya'; 'Amalan Tingkah Laku, Keprihatinan dan Asuhan Yang Stabil Dalam Keluarga'; 'Maqasid Syariah Pegangan Hidup Keluarga Sejahtera'; 'Tadabbur Al-Quran: Penghayatan dan Pengamalan, Isi Kandungan Al-Quran Dalam Kalangan Anak-Anak', 'Penghayatan Ibadah Solat Dalam Kalangan Anak-Anak'; dan 'Melestarikan Penggunaan Media Sosial Sihat Terhadap Anak-anak' yang disampaikan oleh para facilitator terdiri daripada tenaga akademik KUPU SB.

Modul pertama yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Muhammad Yusof bin Khalid dari Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah berkaitan penerapan nilai akidah dan akhlak mengikut sunnah dalam institusi

keluarga menjelaskan pelbagai nilai akhlak mulia atau ketaatan batin termasuk taubat, takut kepada Allah Subhanahu Wata'alha, zuhud, sabar, syukur, ikhlas dan jujur, bertawakal, reda atas qada dan qadar, ingat mati dan sebagainya.

Sebaliknya terangnya, pelbagai nilai akhlak buruk yang perlu dijauhi termasuk tamak bercakap, pemarah, hasad dengki, bakhil, cinta harta, cinta dunia, sombong dan lain-lain lagi.

Profesor Madya Dr. Muhammad Yusof seterusnya berkata, selain daripada membentuk akhlak kepada diri sendiri, turut perlu diterapkan ialah akhlak kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, akhlak kepada sesama manusia dan kepada binatang dan tumbuhan.

Dalam membina keluarga bahagia ujarnya, diperlukan beberapa ilmu agama yang penting untuk dicari dan diamalkan iaitu akidah, fiqh dan akhlak tasawuf.

Manakala, Dekan Fakulti Pendidikan, Profesor Madya Dr. Muhammad Zahiri bin Awang Mat, menerangkan mengenai pendidikan jasmani, rohani dan mental dalam keluarga menyatakan bahawa selain daripada aspek rohani, kesihatan mental dan tubuh badan yang sihat juga penting untuk membentuk keluarga bahagia.

Daripada aspek rohani terangnya, antara amalan yang boleh dilaksanakan ialah solat dan berdoa bersama ahli keluarga, saling memberi nasihat ke arah kebaikan, mendalami ilmu dan ibadah bersama keluarga.

Bagi aspek jasmani tambahnya lagi, keluarga perlu meluangkan masa bersama beriadah, makan daripada sumber rezeki yang halal dan berkhasiat dan ringan tangan.

Seterusnya tambahnya lagi, bagi aspek mental, perlunya ada perasaan hormat menghormati, bertolak ansur, bermAAF, berbincang dan mendalami ilmu dunia akhirat bersama.

Bengkel selanjutnya diteruskan

Berita dan Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad



pada sebelah petang dengan perbincangan berkaitan amalan tingkah laku keprihatinan dan asuhan yang stabil dalam keluarga oleh Awang Ali Hardi bin Haji Mohamed.

Beliau menjelaskan antara pelbagai ciri keluarga yang sihat termasuk mempunyai sumber kuasa yang sah dalam keluarga yang dihormati dan diberi sokongan pada setiap masa, mempunyai sistem peraturan keluarga yang stabil dan konsisten, amalan tingkah laku keprihatinan dan asuhan yang stabil dan konsisten oleh ibu bapa, mengekalkan hubungan perkahwinan, seisi keluarga mempunyai matlamat yang sama untuk kebaikan keluarga, sentiasa fleksibel, menyesuaikan diri dan menerima secara terbuka segala cabaran dan krisis yang tidak diduga, kesediaan untuk bersama keluarga, komunikasi yang berkesan dan sentiasa memberikan galakan dan peranan yang jelas.

Awang Ali Hardi turut menjelaskan gaya asuhan keibubapaan yang boleh mempengaruhi keperibadian anak seperti gaya asuhan permissive, autoritatif dan autoritarian.

Sementara Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan dari

Putus Kajian Fiqh Al-Usrah ketika membincangkan mengenai kemelut pasangan dan keluarga menjelaskan antara faktor yang menyumbang kepada pertelingkahan dalam keluarga boleh dibahagikan kepada dua, iaitu faktor dalaman seperti tidak sefahaman, kurang amalan agama, tekanan beban kerja dan sikap.

Faktor luaran pula jelasnya termasuk campur tangan keluarga secara berlebihan dan masalah ekonomi.

Oleh itu tambahnya lagi, perlunya usaha bersama untuk meneguhkan akidah yang boleh mendorong kebahagiaan rumah tangga, komunikasi yang efektif, sikap bertolak ansur dan lemah lembut, jujur dan mengamalkan kata-kata pujian, meluangkan masa bersama, saling memberi serta memberikan sentuhan dan belaian.

Seramai 42 orang peserta bengkel menyertai bengkel berkenaan yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan KUPU SB; Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan; Jabatan Pengajaran Islam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Banyak terjadi kes kekeluargaan yang menyumbang kepada gejala sosial antaranya ialah isu keibubapaan.

Kajian lepas menunjukkan, faktor keruntuhannya moral dan gejala sosial berpunca daripada krisis keluarga.

Dr. Sham bin Haji Amin selaku Pengurus Bengkel dalam ucapan alu-aluan seterusnya menyatakan, kegagalan ibu bapa menyempurnakan amanah, tugas dan tanggungjawab masing-masing menjadi faktor keruntuhannya institusi kekeluargaan dan keruntuhannya akhlak anak muda dan remaja.

"Di samping itu, ledakan teknologi maklumat dan siber banyak mempengaruhi cara tarbiyah anak-anak," katanya pada Bengkel Kemahiran Keibubapaan Islam Kali-2 bertempat di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hari ini.

Menurut Dr. Sham, sebagai generasi akan datang, pendidikan kekeluargaan perlu mendominasi pembentukan syakhsiah anak-anak kerana setiap anak dilahirkan suci secara fitrah.

Selain itu tambahnya, faktor persekitaran juga memainkan peranan dalam menjana generasi berwawasan yang berilmu, berakhhlak dan dinamik.

Salah satu peranan utama institusi keluarga katanya lagi,

13 pelajar berkeperluan khas terima sumbangan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Selasa, 15 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Khas dan Sumber Pembelajaran, hari ini, di Dewan Galaksi, Sekolah Rendah Keriam, di sini.

Seramai 13 pelajar berkeperluan khas dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof, Sekolah Rendah Pusar Ulak, Sekolah Rendah Rataie dan Sekolah Sarjana School secara individu menerima sumbangan peralatan khas dan sumber pembelajaran yang disampaikan oleh pelajar-pelajar dari Junior School, Jerudong

KEMENTERIAN Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas semasa mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Khas dan Sumber Pembelajaran di Dewan Galaksi, Sekolah Rendah Keriam.

International School (JIS).

Lapan sekolah iaitu Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar, Sekolah Rendah Keriam, Sekolah Rendah Muhammad Alam, Sekolah Rendah Panglima Barudin Limau Manis, Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Sekolah Rendah Penapar dan Sekolah Rendah Pengkalan Batu turut menerima sumbangan yang sama.

Sumbangan adalah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang berkeperluan khas dalam pembelajaran dan mobiliti mereka.



Sumbangan yang disampaikan termasuk tablet, komputer riba, kerusi roda, kerusi roda elektrik, trampoline dan sumber pembelajaran.

Hadir untuk menyaksikan penyerahan tersebut ialah Pemangku Ketua Unit Pendidikan

Khas, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Turut hadir ialah Ketua Junior School, JIS, Paul Bannister serta pelajar-pelajar sekolah berkenaan di samping para pemimpin sekolah, guru-guru dan pegawai dari

Kementerian Pendidikan serta ibu bapa dan penjaga pelajar.

Majlis penyampaian sumbangan hari ini adalah usaha kerjasama yang berterusan antara Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan Junior School, JIS sejak tahun 2002.



Kukuhkan akauntabiliti masyarakat terhadap Perkhidmatan Awam

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail,
Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

WARGA Perkhidmatan Awam (PA) merupakan tulang belakang kerajaan yang berperanan besar dalam memperkemas dan melancarkan urus tadbir negara. Ke arah itu, salah satu faktor yang perlu diperkuatkan adalah kepimpinan. Kepimpinan dalam konteks PA adalah sangat penting, di samping kemahiran. Sektor PA perlu terus kompeten dan proaktif dalam menawarkan khidmat kepada masyarakat.

PA terus utama bagi kemajuan sesebuah negara kerana warga PA adalah pengurus, pemudah cara juga sebagai agen pada perubahan. Oleh itu, warga PA perlu memiliki disiplin dan kesungguhan yang tinggi dalam memainkan peranan masing-masing.

Kita juga sedia maklum, setiap warga PA yang telah diamanahkan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing hendaklah sentiasa bersikap proaktif dan progresif khususnya dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara. Seiring dengan peredaran masa, transformasi PA yang menjurus pada pembaharuan dasar, perancangan dan pembangunan modal insan berteraskan kompetensi dan produktiviti yang tinggi adalah perlu bagi memenuhi kehendak orang ramai yang semakin kompleks.

Tindakan progresif dan secara berterusan kerajaan untuk menjadikan PA cekap, cepat, tepat dan berkesan supaya agensi kerajaan

mampu memberikan perkhidmatan yang setanding dengan kedinamikan perkhidmatan agensi sektor swasta dan kecemerlangan perkhidmatan negara-negara maju di peringkat antarabangsa. Kompetensi yang cekap dan berkesan akan menjamin kepada penyampaian perkhidmatan sektor awam yang berkualiti, berintegriti dan berakauntabiliti. Sektor PA perlu terus kompeten dan proaktif dalam menawarkan khidmat kepada masyarakat.

Pada tahun ini warga PA akan diraikan dalam Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-29. Penjawat PA yang telah terpilih untuk merangkul beberapa anugerah mengikut kategori yang telah ditentukan adalah merupakan satu pengiktirafan kepada mereka dalam menanai tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat PA.

Tidak dapat disangkal lagi, PA adalah merupakan jentera penggerak kerajaan dalam membangun negara bagi kesejahteraan rakyat. Ia, bukan sahaja untuk masa ini, malahan juga untuk kepentingan jangka panjang. Justeru, Anugerah HPA adalah sebagai pemangkin kepada seluruh penjawat awam untuk terus bekerja dengan lebih gigih, terarah, produktif untuk pembangunan negara.

PA berperanan menanai tanggungjawab besar untuk masyarakat. Ia perlu mempunyai usaha atau inisiatif bagi kemanfaatan masyarakat secara langsung tetapi apa yang lebih penting di dalam diri warga PA dalam usaha atau inisiatif menjalankan tanggungjawab mereka adalah amanah dalam menjalankan tugas dengan baik. Ini

sejarah dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan HPA Kali Ke-26 pada Selasa, 15 Rabiulawal 1441H bersamaan 12 November 2019M bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang antaranya :

"Beta ingin menekankan di sini, bahawa amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga PA. Tidak ada maknanya berkhidmat tanpa amanah. Amanah adalah 'tiang seri' keadilan. Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Inilah ajaran ugama kita.

"Semua orang dilihat cenderung dan suka bercakap mengenai keadilan. Tetapi bagi beta, bercakap sahaja belumlah memadai tanpa melaksanakannya. Keadilan hanya akan 'gemerlap' apabila dilaksanakan. Kerana itu, kita sama sekali tidak mampu untuk berkompromi dengan sebarang ketidakadilan.

"Jika PA lemah melaksanakan keadilan, maka kepentingan rakyat pasti terjejas. Kerana itulah undang-undang digubal, untuk dilaksanakan".

Ke arah itu, setiap agensi kerajaan dalam PA dikehendaki untuk melaksanakan transformasi dan penambahbaikan yang progresif ke atas beberapa fokus utama. Untuk menyahut hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan sebuah PA yang betul-betul cekap, berkesan,

bersih lagi amanah, setiap warga PA perlu berusaha melakukan transformasi diri ke arah perkhidmatan yang progresif dengan mengubah budaya kerja agar lebih efisien, dan bertindak cepat dan proaktif.

Setentunya ini memberi impak yang tinggi untuk memperkasa kepercayaan rakyat di peringkat nasional dan masyarakat antarabangsa terhadap *best practices* dan *excellent governance* yang diamalkan dalam PA dalam usaha mencapai matlamat sebuah negara maju yang efektif lagi kompetitif. Ia juga sebagai platform untuk menyiapkan penjawat awam dengan pelbagai keperluan disiplin ilmu, kemahiran dan sikap positif menuju Wawasan Brunei 2035 iaitu menjadi sebuah negara yang maju menjelang 2035 dengan Rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya; Rakyat mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; dan Ekonomi negara yang dinamik dan berdayatahan. Kecemerlangan dalam perkhidmatan kerajaan berupaya memenuhi keperluan persekitaran dan permintaan pelanggan yang sentiasa berubah dan tidak terjangkau sehingga ke peringkat global pada era semasa dan hadapan.

Secara kesimpulannya, bersemesta dengan Sambutan HPA, marilah kita warga PA meningkatkan dan mengukuhkan lagi komitmen masing-masing dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi, di samping menerapkan nilai-nilai murni dan positif dan berdoa semoga segala usaha murni kita untuk memartabatkan PA dan membangunkan negara diberkati dan dicapai matlamatnya.



KUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK PENUNTUT

ANTARA penuntut Tahun 7, Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' (kanan dan kanan sekali).

BELAIT, Isnin, 14 November. - Seramai 65 penuntut Tahun 7, Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Turut hadir pada program tersebut, Pengurus Operasi Sekolah, Awang Haji Ja'afar bin Ahmad dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti



Haji Idris.

Antara isi taklimat yg disampaikan menyentuh mengenai raja, tatacara menaik-kibarkan bendera negara, iaitu hendaklah memastikan bendera negara dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'. Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual dua penuntut yang menyertai program berkenaan.

Penuntut Tahun 7A, Dayang Nurul Nadia binti Reni, 13 tahun, berkongsi pendapat mengenai program yang disertainya itu sangat berfaedah untuk menambah pengetahuan, selain memahami makna semangat kebangsaan.

Sementara bagi penuntut Tahun 7A, Awang Mohamed Aliyan Mujibur Rahman, 13 tahun,



Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

dengan mengikuti program berkenaan membuatkan beliau semakin faham akan mustahaknya Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang disertainya.

Di samping itu, program tersebut membantu menambah pengetahuan am para penuntut, di samping mereka turut berpeluang untuk menyertai sesi Kuiz Kenegaraan, yang

diadakan di dalam program berkenaan.

Program seumpama itu dihasrat dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan, yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan sesi bergambar ramai.



ANTARA pasukan dikir memperdengarkan persembahan masing-masing pada Pertandingan Dikir Syarafil Anam Peringkat Saringan bagi Kawasan Zon 2 Daerah Brunei dan Muara.

Cungkil bakat sedia ada, terpendam

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JALAN TUTONG, Isnin, 14 November. - Sebanyak 13 buah pasukan dikir memperdengarkan persembahan masing-masing pada Pertandingan Dikir Syarafil Anam Peringkat Saringan bagi Kawasan Zon 2 Daerah Brunei dan Muara (DBM), yang berlangsung di Masjid Kampung Kilanas, KM 12, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Penasihat I, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Sabtu.

Pasukan-pasukan dikir, terdiri daripada enam penyertaan pasukan lelaki dan tujuh penyertaan pasukan perempuan, yang mewakili Masjid Kampung Tamoi; Masjid Kampung Tungku; Masjid Kampung Kilanas; Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata,

Gadong; Masjid Universiti Brunei Darussalam; Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba; dan Surau Polis Gadong.

Pertandingan tersebut diadakan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dianjurkan bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid, DBM, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas.

Tujuan utama pertandingan tersebut adalah untuk mencari peserta yang berbakat bagi mewakili pertandingan seumpama ini di peringkat akhir atau kebangsaan, di samping untuk mendalami dan menambah minat pada Dikir Syarafil Anam, di mana semakin mendapat sambutan yang

tinggi pada ketika ini.

Antara objektif pertandingan itu ialah bagi menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dan memberi kefahaman mendalam lagi tentang Dikir Syarafil Anam.

Selain itu, ia juga akan menggalakkan para peserta untuk suka ke masjid dan mengeratkan silaturahim, dalam kalangan para peserta serta mencungkil bakat yang tersedia ada dan terpendam.

Melalui pertandingan tersebut juga, ia akan memberi ajaran dalam persaingan sihat dan menambah minat pada lagu Dikir Syarafil Anam.



ALAI PINTAR

SOALAN 16 NOVEMBER 2022, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Nombor manakah yang paling besar?
 - 6,252
 - 5,679
 - 6,525
- Bila Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam diputerakan?
 - 12 Rabiulawal
 - 12 Rejab
 - 12 Muharam
- Apakah deria yang digunakan apabila mendengar muzik?
 - Deria dengan
 - Deria bau
 - Deria lihat

TARIKH TUTUP : 30 NOVEMBER 2022

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI BND40.00

PEMENANG ALAI PINTAR 089 :

Nama : Nurfadhilah Binti Bahrin

No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-075023. Sekolah : Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjong Maya, Tutong

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nomor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 089

- C – 4 Kitab
- C – 1,600
- C – Ringan

PERSAINGAN AS-CHINA TIDAK SEPATUTNYA BERUBAH MENJADI KONFLIK



JAKARTA, 15 Nov. - Persaingan Amerika Syarikat (AS)-China tidak seharusnya berubah menjadi konflik dan kedua-dua negara mesti menguruskannya secara bertanggungjawab selain mengekalkan komunikasi yang terbuka, kata Presiden Joe Biden.

Biden dan pemimpin China Xi Jinping membincangkan kepentingan membangunkan prinsip ke arah memajukan matlamat ini dan menugaskannya untuk membincangannya dengan lebih lanjut.

Pertemuan pada Isnin itu diadakan di Bali menjelang sidang kemuncak G-20 dan kedua-dua pemimpin

bercakap mengenai keutamaan dan hasrat masing-masing merentasi pelbagai isu, menurut kenyataan Rumah Putih memetik Biden sebagai berkata.

Biden menjelaskan AS akan terus bersaing dengan China termasuk melabur di dalam negara dan menyelaraskan usaha dengan sekutu serta rakan kongsi di seluruh dunia.

Beliau berkata: "AS dan China mesti bekerjasama untuk menangani cabaran seperti perubahan iklim, kestabilan makroekonomi global termasuk pelepasan hutang, keselamatan kesihatan dan keselamatan makanan global, sebagaimana

diharapkan masyarakat antarabangsa."

Kedua-dua pemimpin sepakat memberi kuasa kepada pegawai kanan mereka untuk mengekalkan komunikasi dan mempergiat usaha ke arah isu-isu berkenaan termasuk hal-hal lain.

Setiausaha Negara AS Antony Blinken akan melawat China untuk mengadakan perbincangan lanjut.

Rundingan yang berlangsung selama tiga jam itu juga mengalaukan usaha berterusan dalam menangani isu khusus membabitkan hubungan dua hala AS-China dan menggalakkan kemajuan selanjutnya menerusi mekanisme sedia ada termasuk

masyarakat antarabangsa. - ©BERNAMA

Presiden Turkiye, Putera Mahkota Arab Saudi adakan rundingan di Bali Indonesia

BALI (Indonesia), 15 Nov. - Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan dan Putera Mahkota Arab Saudi Mohammed bin Salman mengadakan pertemuan pada Selasa untuk membincangkan hubungan dua hala, lapor Agensi Anadolu (AA).

Pertemuan tertutup itu berlangsung di luar Sidang Kemuncak G-20 di Bali, Indonesia

Tiada maklumat lanjut tentang mesyuarat itu.

Menteri Luar Turkiye Mevlut Cavusoglu, Menteri

Perbendaharaan dan Kewangan Nureddin Nebati, Menteri Pertanian dan Perhutanan Vahit Kirisci, Pengarah Komunikasi Fahrettin Altun dan jurucakap presiden Ibrahim Kalin turut bersama dalam mesyuarat itu. - ©BERNAMA

Cacar monyet dikategori penyakit berjangkit mampu merebak di Vietnam

HANOI, 14 Nov. - Kementerian Kesihatan Vietnam menyenaraikan cacar monyet sebagai penyakit berjangkit Kumpulan B, iaitu penyakit berjangkit berbahaya yang mampu merebak dengan cepat dan mungkin menyebabkan kematian.

Keputusan itu dibuat berdasarkan cadangan Jabatan Perubatan Pencegahan kementerian itu, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit dijalankan mengikut Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit

berdasarkan sifatnya, kebolehjangkitan dan kadar kematian cacar monyet.

Vietnam merekodkan beberapa kes positif bagi pelancong yang pulang dari luar negara.

Cacar monyet kali pertama dilaporkan pada 1958 dan dikesan pada monyet yang dibiak bagi tujuan penyelidikan.

Sejak Mei 2022, wabak itu telah merebak ke pelbagai negara dan simptomnya hampir serupa dengan cacar.

Tempoh inkubasi cacar monyet biasanya dari enam hingga tiga belas hari, dan gejala mungkin

berbeza-beza bergantung pada peringkat penyakit.

Gejala biasa cacar monyet termasuk demam, sakit kepala, sakit otot, sakit belakang, menggilir, keletihan, dan ruam yang kelihatan seperti lepuh di muka atau di dalam mulut atau di bahagian lain badan, seperti tangan, kaki, dada, alat kelamin atau dubur.

Penyakit ini boleh hilang dengan sendirinya dalam tempoh dua hingga tujuh hari.

Di Vietnam, penyakit berjangkit dikelaskan kepada tiga kumpulan. - ©BERNAMA

Pemimpin dunia kecam letupan di Istiklal Avenue, Istanbul

ANKARA, 14 Nov. - Pemimpin dunia mengecam insiden letupan di Istiklal Avenue Istanbul pada Ahad yang menyebabkan sekurang-kurangnya enam orang maut manakala 81 yang lain cedera, lapor Agensi Anadolu.

Menurut Gabenor Istanbul, Ali Yerlikaya, letupan itu berlaku sekitar 4.20 petang waktu tempatan, manakala polis dan pegawai kecemasan telah mengepung lokasi kejadian.

"Kejadian itu berkemungkinan serangan pengganas," kata Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan dalam sidang media sebelum berlepas ke Bali, Indonesia bagi menghadiri sidang kemuncak G20.

Naib Presiden Fuat Oktay yang melawat lokasi kejadian berkata seorang penyerang wanita bertindak meletupkan bom dan tindakan itu dianggap sebagai perbuatan pengganas.

"Saya bersedih mengenai kejadian letupan di Istiklal Avenue di tengah-tengah Istanbul.

"(Kerajaan) dan rakyat Pakistan merakamkan ucapan takziah kepada rakyat Turkiye atas kehilangan nyawa dan mendoakan

agar mereka yang cedera segera pulih," menurut ciapan Perdana Menteri Pakistan Shehzad Sharif di Twitter.

Presiden Azerbaijan Ilham Aliyev berkata dalam satu kenyataan bahawa Baku "sangat terkesan" dengan berita itu, sambil menambah: "Saya mengucapkan takziah kepada anda, keluarga dan mereka yang kehilangan orang tersayang, serta berharap mereka yang cedera cepat pulih."

Perdana Menteri Sweden Ulf Kristersson "sangat terkejut dengan berita mengenai letupan di tengah-tengah Istanbul."

"Ingatan kami bersama-sama mangsa, dan mereka yang kehilangan orang tersayang. Kami bersama Turkiye," menurut ciapannya di Twitter.

Presiden Ukraine Volodymyr Zelenskyy menulis dalam ciapannya bahawa beliau "sangat hiba" dengan berita itu dan mengucapkan takziah kepada mangsa, dan mendoakan pemulihan kepada mereka yang cedera.

"Kesakitan rakyat Turkiye adalah kesakitan buat kami," kata Zelenskyy.

Presiden Serbia Aleksandar Vucic berkata kejadian itu bukan sahaja mengejutkan penduduk Istanbul, tetapi seluruh dunia.

Ucapan takziah turut diantar ketua dasar luar Kesatuan Eropah (EU) Josep Borrell, Presiden Majlis Eropah Charles Michel, Presiden Jerman Frank-Walter Steinmeier dan Perdana Menteri Itali Giorgia Meloni.

"Terkejut dan sedih dengan kejadian letupan di Istanbul, Turkiye petang tadi yang mengakibatkan ramai terkorban."

"Takziah saya ucapkan kepada keluarga mangsa dan orang tersayang. Doa yang ikhlas untuk mereka yang cedera supaya cepat sembuh," kata Menteri Luar Macedonia Utara Nikola Dimitrov.

Setiausaha Agung NATO Jens Stoltenberg berkata: "Insiden yang mengejutkan dari Istanbul. Ucapan takziah kepada semua yang terjejas & kepada rakyat Turkiye. #NATO bersolidariti dengan Ally Turkiye."

Kementerian Luar Pakistan, Jordan, Mesir, Arab Saudi, Jerman, India, Bosnia dan Herzegovina serta Greece turut mengucapkan takziah. - ©BERNAMA

Perhimpunan Agung PBB gesa Rusia bayar pampasan kepada Ukraine

NEW YORK, 15 Nov. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Isnin meluluskan resolusi menggesa Rusia membayar pampasan kepada Ukraine berikut operasi ketenteraan khas yang dilancarkan Moscow ke atas jirannya pada Februari.

Resolusi yang diluluskan itu juga menuntut Rusia bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran undang-undang antarabangsa di dalam atau terhadap Ukraine, lapor Agensi Anadolu.

Sebanyak 94 negara daripada 193 anggota mengundi menyokong resolusi itu manakala 14 menentang dan 74 berkecuali.

Rusia, China, Iran, dan Syria antara negara anggota yang menentang resolusi itu.

Resolusi itu juga menyeru agar satu "mekanisme antarabangsa" ditubuhkan bagi menuntut ganti rugi kerosakan, kehilangan atau kecederaan yang timbul hasil daripada "tindakan salah laku antarabangsa" terhadap Ukraine.

Selain itu resolusi berkenaan turut mengesyorkan daftar kerosakan antarabangsa dibuat yang berfungsi sebagai bukti dalam bentuk dokumentari, keterangan dan maklumat tuntutan mengenai kerosakan, kehilangan atau kecederaan terhadap orang ramai dan mempromosikan serta menyelaras pengumpulan bukti. - ©BERNAMA

Gempa bumi dengan magnitud 6.1 landa selatan Kepulauan Fiji

SUVA, 14 Nov. - Gempa bumi dengan magnitud 6.1 melanda selatan Kepulauan Fiji pada 0504 GMT pada Isnin, kata Kajian Geologi AS (USGS).

Menurut Xinhua, pusat gempa dengan kedalaman 627 km pada mulanya dikesan pada 26.0418 darjah lintang selatan dan 178.2262 darjah bujur timur. - ©BERNAMA

Angka korban tragedi rempuhan Halloween Itaewon meningkat ke-158

SEOUL, 14 Nov. - Seorang lagi mangsa rempuhan Itaewon, Seoul disahkan meninggal dunia sekali gus menjadikan jumlah korban terkini mencecah 158, lapor agensi berita Yonhap.

Ibu Pejabat Pencegahan Bencana dan Keselamatan Pusat pada Isnin memaklumkan bahawa mangsa merupakan seorang wanita tempatan berusia 20-an.

Setakat ini, seramai 132 warga Korea Selatan dan 26 warga asing terbunuh akibat kejadian rempuhan ketika sambutan perayaan Halloween di daerah Itaewon pada 29 Okt.

Prosedur pengebumian untuk 130 warga tempatan telah selesai manakala 24 mayat warga asing telah diantar ke negara asal masing-masing.

Seramai 196 orang cedera, 10 masih dirawat di hospital. - ©BERNAMA

Pelumba Mercedes Russell menang perlumbaan F1 Grand Prix

ANKARA, 14 Nov. - George Russell dari Britain memenangi perlumbaan Formula 1 pertamanya pada Ahad dalam perlumbaan Grand Prix Sao Paulo yang didominasi pasukan Mercedes, lapor Agensi Anadolu.

Pasukan Mercedes menamatkan saingan 1-2 di Brazil apabila rakan sepasukan dan rakan senegaranya Lewis Hamilton mendapat tempat kedua dalam Pusingan 21 kejohanan dunia F1 2022.

Kemenangan di litar Autodromo Jose Carlos Pace bermakna ia merupakan kemenangan pertama Mercedes musim ini.

Russell berjaya menamatkan perlumbaan dengan catatan masa satu jam, 38 minit dan 34.044 saat bagi 71 pusingan.

Hamilton, juara Formula 1 tujuh kali, ketinggalan 1.529 saat di belakang Russell, manakala pelumba Ferrari, Carlos Sainz di tempat ketiga susulan ketinggalan empat saat.

Pemandu Red Bull Racing dari Belanda, Max Verstappen yang telah merangkul kejuaraan 2022, menamatkan perlumbaan di tempat keenam.

Kejohanan Dunia Formula 1 2022 akan berakhir selepas Pusingan 22 di Abu Dhabi pada 20 Nov. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



RUMAH PEMANCHA JUARA KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN PKP SENEGERA 2022

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Polis (C. Insp) Ibrahim bin Haji Saili.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan, Awang Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali; dan Pemangku Pengarah JPKK, Kementerian Pendidikan, Awang Mohd Norilham bin Haji Jais.

Acara berkenaan dipengerusikan oleh Komandan Pusat Latihan Polis Gadong Pengguna Kanan Polis (Snr. Supt), Haji Mohd. Noor bin Haji Abd. Rahman dan dihadiri oleh wakil-wakil dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), pengetua-pengetua sekolah menengah serta Ma'had

Islam Brunei.

Acara Sukan Padang dan Belapan dalam kejohanan tersebut dibahagikan pada empat kumpulan, iaitu Rumah Digadong; Rumah Pemancha; Rumah Bendahara; dan Rumah Temenggong.

Kejohanan tersebut dijuarai oleh Kumpulan Rumah Pemancha dengan jumlah kutipan pingat sebanyak 14 pingat. Tempat kedua pula dimenangi oleh Kumpulan Rumah Temenggong, manakala bagi tempat ketiga diraih oleh Kumpulan Rumah Bendahara dan tempat keempat dimiliki oleh Kumpulan Rumah Digadong.

Acara diikuti dengan Acara Sukan Tarik Kalat, yang dimenangi oleh Pasukan Guru-guru Kadet Polis dan jemputan.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah dan cenderahati kepada para pemenang dan ahli-ahli yang terlibat.



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat dan bergambar ramai bersama juara Kejohanan Sukan Tahunan PKP Senegara 2022, Kumpulan Rumah Pemancha.

GADONG, Isnin, 14 November. - Pasukan Kadet Polis (PKP) menganjurkan Acara Kejohanan Sukan Tahunan PKP Senegara 2022, yang diadakan baru-baru

ini, di Stadium Hassanal Bolkiah, Polis Gadong.

Acara kejohanan berkenaan melibatkan seramai 24 Guru Kadet dan 165 Kadet Polis dari

pelbagai sekolah, institusi serta maktab di seluruh negara, yang dipimpin oleh Pemangku Pegawai Menguasa PKP Polis Diraja Brunei (PPDB), Ketua Inspektor

UBD juara Kejohanan Bola Sepak 9 Sepasukan IPT

■ Siaran Akhbar dan Foto: Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Pasukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dinobatkan sebagai johan pada Kejohanan Bola Sepak Sembilan Orang Sepasukan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam (NBD).

Manakala naib johan disandang oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sementara tempat ketiga diraih oleh UNISSA (B).

Kejohanan yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Estet berkenaan berlangsung di padang bola, UNISSA yang melibatkan tenaga akademik, pegawai dan kakitangan IPT.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal.

Antara pasukan yang menyertai kejohanan berkenaan terdiri daripada

UNISSA selaku tuan rumah; UBD; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan IBTE.

Kejohanan berkenaan dijalankan mengikut sistem liga, iaitu mengumpul mata bagi menentukan kedudukan di dalam liga.

Kejohanan berkenaan dihasilkan bagi mencari para pemain yang berpotensi untuk mewakili UNISSA dalam sukan bola sepak antara jabatan-jabatan Kementerian Pendidikan dan IPT di NBD.

Acara berkenaan juga bertujuan untuk menggalakkan warga UNISSA bergiat aktif dalam sukan demi untuk kesihatan tubuh badan dan kecergasan fizikal dan mental di samping menanam dan memupuk semangat kesukaran, semangat silaturahim, bersatu padu, setia kawan, harmoni dan sejahtera serta untuk menimbulkan perasaan ukhuwah dalam kalangan para pegawai dan kakitangan yang ikut serta dalam kejohanan berkenaan.



REKTOR UNISSA menyampaikan piala kemenangan kepada Pasukan Universiti Brunei Darussalam, yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Sembilan Orang Sepasukan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MERAWAT